

**EMBARGO**  
**01 DISEMBER 2022 (KHAMIS)**  
**SEHINGGA JAM 12.00 TENGAH HARI**



**TEKS UCAPAN PEMBENTANGAN BELANJAWAN NEGERI  
JOHOR BAGI TAHUN 2023  
“MAJU JOHOR : MAKMUR BERSAMA RAKYAT”**

**OLEH  
YANG AMAT BERHORMAT DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI  
MENTERI BESAR JOHOR**

**DALAM  
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR**

**TARIKH  
1 DISEMBER 2022**

*Bismillahir Rahmanir Rahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

*Salam Sejahtera*

*Salam Maju Johor*

## **PENDAHULUAN**

Johor Lama Tulisan Hikayat  
Susuri Zaman Bangsa Terbilang  
Sederap Makmur Bersama Rakyat  
Teguh Bersama Negeri Gemilang

Yang Berhormat Datuk Speaker,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua, dapat kita bersama-sama hadir dalam Pembentangan Belanjawan Johor 2023.
2. Marilah kita juga memperbanyakkan selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, yang sentiasa menjadi pedoman buat kita sehingga ke akhir zaman.
3. Sebelum meneruskan ucapan pembentangan belanjawan ini, izinkan saya untuk merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November yang lalu.
4. Patik berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta seluruh kerabat diraja dilanjutkan usia serta sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat agar dapat terus menaungi patik-patik semua dan bangsa Johor sekaliannya.
5. Patik menjunjung kasih di atas segala nasihat, bimbingan dan panduan yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang bertali arus bak sungai yang mengalir, demi memastikan pentadbiran Negeri Johor terus diperkasa dengan memacu Agenda Maju Johor 2030.
6. Patik juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, atas kejayaan pasukan bola sepak JDT menjuarai Piala Malaysia 2022 pada 26 November yang lalu. Kejayaan JDT menjadi pasukan pertama menjulang empat piala dalam satu musim; iaitu Piala Sumbangsih, Piala FA, Juara Liga Super dan

terbaru Piala Malaysia sememangnya merupakan satu lakaran sejarah luar biasa dan gemilang yang cukup membanggakan.

7. Saya juga berasa amat gembira apabila Kontinjen Johor mencipta sejarah yang cukup bermakna apabila buat pertama kalinya menjuarai Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 yang diadakan di Kuala Lumpur pada September lalu.
8. Ledakan kejayaan luar biasa JDT dan Kontinjen SUKMA Johor ini bukan sahaja akan terpahat utuh dalam minda dan sanubari setiap Bangsa Johor tetapi lebih daripada itu, adalah inspirasi yang meniupkan api semangat untuk kami semua mengikut jejak langkah yang sama untuk terus memberi komitmen dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi baik dari segi cetus idea, pemikiran dan kudrat bagi memastikan Agenda Maju Johor 2030 bukan hanya satu pahatan mimpi tetapi agenda untuk masa depan yang akan direalisasikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

9. Bagi pihak Kerajaan Negeri Johor, patik turut menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah berserta Majlis Raja-raja yang telah dengan hemah dan bijaksana, menyelesaikan kemelut pemilihan kepimpinan negara selepas Pilihan Raya Umum yang ke-15.
10. Patik berdoa agar keputusan dan langkah berhikmah ini bukan sahaja dapat mewujudkan kestabilan politik tetapi lebih penting lagi, ia berupaya memastikan usaha untuk memulihkan ekonomi negara dan memperkasa kesejahteraan rakyat.
11. Saya turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kesepuluh. Selamat maju jaya, saya ucapkan.
12. Kepada Bangsa Johor yang saya kasihi sekalian, saya memohon dan merayu, sama-samalah kita berganding bahu dan mengembleng tenaga untuk mencorakkan masa depan Johor yang lebih gemilang. Marilah kita memupuk semangat kebersamaan atau *spirit of togetherness* di kalangan rakyat Johor yang mempunyai pelbagai agama, bangsa dan budaya. Sesungguhnya, muafakat itu berkat.

## **SENARIO DAN PROSPEK EKONOMI**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

13. Sebelum saya melangkah lebih jauh lagi dalam membentangkan Belanjawan Negeri Johor 2023 ini, izinkan saya untuk terlebih dahulu mengulas sedikit berkenaan senario dan prospek ekonomi hari ini.
14. Ekonomi semasa dunia berada dalam keadaan yang mencabar dan tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi pasca pandemik secara relatifnya masih berada pada paras yang rendah. Situasi ini adalah impak daripada peperangan antara Russia dengan Ukraine, perubahan iklim dunia, pengukuhan nilai matawang Dollar Amerika dan kadar kenaikan inflasi global.
15. Implikasinya, pertumbuhan ekonomi global dijangka menyederhana iaitu pada kadar 2.7 peratus pada tahun 2023 - pertumbuhan global paling lemah sejak tahun 2001.

### **SENARIO EKONOMI MALAYSIA**

16. Ekonomi Malaysia pastinya tidak terkecuali daripada berhadapan dengan impak yang sama. Walaupun kita berada dalam fasa pemulihan, ketidaktentuan ekonomi global ini tentunya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara termasuk Negeri Johor yang berekonomi terbuka.
17. Lantaran itu, Kerajaan Persekutuan meramalkan kadar pertumbuhan ekonomi negara pada kadar sederhana iaitu 4 hingga 5 peratus sahaja pada tahun 2023.

### **SENARIO EKONOMI JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

18. Bagi Negeri Johor pula, syukur Alhamdulillah suka saya kongsi bahawa keadaan ekonomi Johor kembali rancak dalam era pemulihan ini. Meskipun dihimpit oleh ketidaktentuan ekonomi, Johor terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.
19. Pada hemat saya, kerancangan kemajuan ekonomi Johor ini disumbangkan oleh empat faktor utama ;  
**Pertama**, kedudukan politik Johor yang stabil;  
**Kedua**, polisi mesra pelabur yang digagaskan bagi memastikan Johor kekal menjadi destinasi utama pilihan pelabur;  
**Ketiga**, pembukaan semula sempadan antara Johor - Singapura mulai 1 April tahun ini; dan  
**Keempat**, penambahbaikan sistem penyampaian awam dan pembangunan modal insan.

20. Hasilnya, prestasi ekonomi yang memberangsangkan sebagaimana dibuktikan oleh data dan statistik berikut :

- Pertama** : Johor mencatatkan penerimaan pelaburan tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak **RM 60.9 bilion**;
- Kedua** : Jumlah eksport Johor sehingga September 2022 berjumlah **RM 246 bilion**, peningkatan **42 peratus** berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak RM 173 bilion;
- Ketiga** : Jumlah import pula telah meningkat kepada **RM 209 bilion** iaitu peningkatan sebanyak **49 peratus** daripada **RM 140 bilion** pada tahun sebelumnya;
- Keempat** : Sektor pembinaan mencatatkan tanda-tanda pemulihan bagi separuh tahun ini dengan nilai berjumlah **RM 5.68 bilion** berbanding **RM 5.15 bilion** pada tempoh yang sama tahun lalu;
- Kelima** : Kadar pengangguran kini telah mencatatkan penurunan daripada **4.0 peratus** pada suku ketiga tahun 2021 kepada hanya **2.5 peratus** pada tahun ini. Kadar ini juga merupakan yang terendah berbanding negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

21. Sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, saya akan memperincikan pelbagai inisiatif dalam Belanjawan Johor 2023 ini yang bertujuan untuk mengurangkan impak ekonomi global dan memastikan sasaran pertumbuhan dapat dipacu yang insyaAllah akan membantu mempertingkatkan kesejahteraan Bangsa Johor.

### **CABARAN BELANJAWAN 2023**

22. Sebagai seorang yang beragama Islam, kita dituntut untuk sentiasa berpandu kepada Al-Quran dan Sunnah dalam segenap aspek kehidupan. Aspek ekonomi dan pentadbiran negeri juga turut tidak terkecuali. Dalam hal ekonomi misalnya, Allah SWT berfirman dalam surah Yusuf, ayat 46 hingga 49.

يُوسُفُ أَيُّهَا الصَّادِقُ افْتِنَا فِي سَبْعِ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعُ عِجَافٍ وَسَبْعِ سُنبُلَاتٍ

خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ لَّعَلَّيْ أَرْجِعُ إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأَبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٍ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلا قَلِيلًا مِّمَّا تُحْصِنُونَ

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْرِضُونَ

23. Yang Bermaksud: "Yusuf, wahai orang yang sangat dipercayai! Terangkanlah kepada kami (takwil mimpi) tentang tujuh ekor lembu betina yang gemuk yang dimakan oleh tujuh (ekor lembu betina) yang kurus, tujuh tangkai (gandum) yang hijau dan (tujuh tangkai) lainnya kering agar aku kembali kepada orang-orang itu, agar mereka mengetahui". (46) Dia (Yusuf) berkata, "Agar kamu bercucuk tanam tujuh tahun (berturut-turut) sebagaimana biasa; kemudian apa yang kamu tuai hendaklah kamu membiarkan di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan. (47) Kemudian setelah itu akan datang tujuh (tahun) yang sangat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (yakni tahun sukar), kecuali sedikit daripada apa (gandum) yang kamu simpan. (48) Setelah itu akan datang tahun, di mana manusia diberi hujan (dengan cukup) dan pada masa itu mereka memeras (hasil)". (49)

Yang Berhormat Datuk Speaker,

24. Secara ringkasnya, ayat ini mengisahkan kepada kita akan kitaran ekonomi yang turun naik. Ada masanya, kitaran ekonomi negara berada dalam keadaan yang baik. Namun adakalanya, kita berada dalam keadaan ekonomi yang mencabar. Apa yang penting ialah kita perlu menyediakan perancangan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan serta rizab simpanan yang mencukupi bagi menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang.

#### **BERFOKUS TEMA "MAJU JOHOR : MAKMUR BERSAMA RAKYAT"**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

25. Negeri Johor sememangnya amat unik dan istimewa dalam pensejarahan Malaysia. Malah, tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa Johor merupakan pengasas sebuah negara-bangsa. Segalanya bermula di Hujung Tanah ini.
26. Perkara ini saya bangkitkan dalam ucapan Belanjawan ini kerana ia mendasari kemakmuran ekonomi negeri dan kesejahteraan Bangsa Johor.

27. Garis masa sejarah menjadi saksi bahawa kombinasi berintegriti dan berwawasan Kesultanan Johor Moden, Kerajaan Negeri Johor dan Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor mampu menjayakan agenda Maju Johor bertunjangkan pemikiran maju, moden dan berbudaya. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Johor memilih tema Belanjawan 2023 iaitu **“Maju Johor : Makmur Bersama Rakyat”**, sebagai suatu kesinambungan perjuangan memartabatkan pertumbuhan ekonomi Johor yang gemilang, sejak zaman pemerintahan Almarhum Sultan Abu Bakar.
28. Sebagaimana tema yang dipilih dan didukung, Belanjawan Johor 2023 ini dirangka dengan 3.8 juta rakyat Johor sentiasa berada di hati dan benak fikiran Kerajaan Negeri Johor. Suara hati, jiwa dan minda mereka, kita selami bersama keadaan dan situasi semasa, maka lahirlah Belanjawan Johor 2023 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

29. Pada 14 Jun yang lalu, saya telah menyampaikan amanat pertama saya kepada seluruh bangsa Johor selaku Menteri Besar Johor yang baharu. Dalam amanat tersebut, saya telah memperkenalkan Agenda Maju Johor yang menggariskan enam teras sebagai tunjang utama dalam memastikan visi menjadikan Johor sebuah negeri maju, bakal menjadi realiti.
30. Belanjawan Johor 2023 ini juga merupakan Belanjawan pertama saya sebagai Menteri Besar Johor. Belanjawan ini bukan sahaja berkesinambungan kepada Agenda Maju Johor yang digagaskan tetapi yang lebih penting lagi, ia akan memanifestasikan bagaimana agenda ini akan difokus dan dilaksanakan untuk tahun 2023 nanti.
31. Selari dengan Agenda Maju Johor juga, Belanjawan Johor akan ditunjangi oleh enam teras, dengan setiap teras didukung oleh beberapa strategi dan setiap strategi disokong ampuh oleh beberapa inisiatif.

### **Unjuran Kewangan Belanjawan 2023**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

32. Pada tahun 2023, unjuran hasil Negeri Johor adalah sebanyak Seribu Tujuh Ratus, Tiga Puluh Empat, Perpuluhan Satu Lapan Juta Ringgit **(RM 1,734.18 juta)**. Unjuran perbelanjaan pada tahun 2023 pula adalah sebanyak Seribu Tujuh Ratus, Tiga Puluh Satu, Perpuluhan Tujuh Empat Juta Ringgit **(RM 1,731.74 juta)**. Angka-angka ini menunjukkan Belanjawan 2023 merupakan Belanjawan Lebihan ataupun *surplus budget* iaitu sebanyak **RM 2.44 juta**.

33. Sejumlah Seribu Seratus, Dua Puluh Enam, Perpuluhan Tujuh Empat Juta Ringgit (**RM 1,126.74 juta**) diperuntukkan bagi tujuan Belanja Mengurus. Pecahan Belanja Mengurus meliputi perkara-perkara berikut:

**Pertama** : Emolumen sebanyak **RM 559.54 juta**.

**Kedua** : Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak **RM 316.73 juta**.

**Ketiga** : Aset sebanyak **RM 27.86 juta**.

**Keempat** : Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **RM 209.37 juta**

**Kelima** : Perbelanjaan Lain sebanyak **RM 13.24 juta**.

34. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pula secara keseluruhan pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM 600 juta** yang akan ditampung melalui Kumpulan Wang Pembangunan.

### **Anggaran Hasil 2023**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

35. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri mensasarkan pungutan hasil sebanyak **Seribu Tujuh Ratus, Tiga Puluh Empat, Perpuluhan Satu Lapan Juta Ringgit (RM 1,734.18 juta)** iaitu peningkatan sebanyak **RM 62.6 juta** atau **3.7 peratus** berbanding tahun 2021. Berdasarkan anggaran tersebut, sebanyak **Lapan Ratus, Tiga Puluh Enam, Perpuluhan Empat Lapan Juta Ringgit (RM 836.48 juta)** disumbangkan melalui cukai langsung, manakala **Dua Puluh Empat, Perpuluhan Lima Tiga Juta (RM 24.53 juta)** melalui cukai tidak langsung. **90 peratus** hasil cukai yang dikutip adalah bersumberkan cukai tanah.
36. Selain itu, pendapatan hasil bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga memainkan peranan penting dalam pembangunan Negeri Johor. Secara keseluruhannya pada tahun 2023, anggaran hasil yang dijangka dikutip oleh semua 16 PBT adalah sebanyak **Seribu Enam Ratus, Sembilan Puluh Tujuh, Perpuluhan Kosong Sembilan Juta Ringgit (RM 1,697.09 juta)**. Pendapatan ini akan menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah **Seribu Enam Ratus, Sembilan Puluh Tiga Juta Ringgit (RM 1,693 juta)**.



37. Menyadari akan situasi di mana perbelanjaan negeri semakin meningkat saban tahun, terdapat keperluan untuk Kerajaan Negeri meneroka kaedah baharu bagi meningkatkan hasil. Langkah berstruktur dan mampan untuk menggembelng segala sumber yang ada agar hasil Kerajaan Negeri dapat ditingkat, perlu dilakukan. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri memerlukan sokongan, kerjasama dan komitmen semua pihak untuk bersama menyatukan segala sumber dan usaha demi kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat negeri ini.
38. Antara langkah strategik yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan hasil termasuklah:
- Pertama** : Melaksanakan pendigitalan sistem pentadbiran kerajaan bagi urusan pembayaran secara atas talian yang dikenali sebagai **JOHORPAY**.
  - Kedua** : Memperluaskan pembayaran secara atas talian bagi bayaran bukan cukai tanah, bayaran lesen halal, bayaran cukai harta di bawah Pihak Berkuasa Tempatan serta pelbagai agensi kerajaan yang lain.
  - Ketiga** : Melaksanakan kajian bagi cadangan pelupusan tanah secara tender terbuka bagi tanah-tanah kerajaan yang berpotensi dan mempunyai nilai komersial yang memberi impak kepada kawasan sekitar sekiranya tanah tersebut dibangunkan.
  - Keempat** : Melaksanakan kajian berkenaan pajakan tanah rizab bagi memperkasa hasil negeri serta membantu menyelesaikan isu penyelenggaraan rizab.
  - Kelima** : Meneroka hasil baru bagi Kerajaan Negeri terhadap pengenaan cukai karbon yang selaras dengan Kerajaan Persekutuan.

#### **TERAS PERTAMA : TADBIR URUS KERAJAAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

39. Teras Pertama dalam Agenda Maju Johor ialah Tadbir Urus Kerajaan. Bagi menjayakan agenda tersebut, perkara paling penting ialah mentransformasi tadbir urus kerajaan bagi menghasilkan sistem penyampaian awam yang berintegriti, berprestasi tinggi, cekap dan berkesan.

Johor Gemilang Jadi Tujuan  
Bangsanya Luhur Tidak Terperi  
Perkasa Tadbir Urus Kerajaan  
Demi Ketelusan Memakmurkan Negeri

40. Sehubungan itu, di bawah teras Tadbir Urus Kerajaan, terdapat **4 strategi dan 13 inisiatif** yang dirangka.

#### **STRATEGI 1 : MENINGKATKAN KOMPETENSI PERKHIDMATAN AWAM DAN MODAL INSAN**

41. Strategi pertama ialah **MENINGKATKAN KOMPETENSI PERKHIDMATAN AWAM DAN MODAL INSAN**.
42. Penubuhan Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor (Akademi JCS) akan terus menjadi pemacu transformasi dalam perkhidmatan awam di Johor. Sehubungan itu, terdapat **3 inisiatif** di bawah strategi ini.

#### **INISIATIF 1 : MEMPERKASA KEPAKARAN PENJAWAT AWAM**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

43. Inisiatif pertama dalam strategi ini ialah **MEMPERKASA KEPAKARAN PENJAWAT AWAM**. Sepanjang tahun 2022, lebih 30 program berjaya dilaksanakan bersama sembilan (9) rakan kerjasama strategik Akademi JCS. Antara pencapaian yang paling membanggakan, adalah penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pentadbiran dan Pembangunan Tanah daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor. Beliau juga adalah Setiausaha Kerajaan yang pertama memperoleh Ijazah Doktor Falsafah semasa menjawat jawatan ini. Pasti nya kejayaan yang dicapai oleh Yang Berhormat Tan Sri selaku Ketua Perkhidmatan Awam Negeri akan menjadi tauladan dan inspirasi kepada seluruh penjawat awam di Negeri Johor.
44. Ini terbukti apabila pencapaian ini diteruskan oleh tiga orang Pegawai JCS yang turut berjaya menamatkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah. Mereka ialah Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Suhailizan binti Suliman, Dr. Haji Amirul Haffiz bin Ariff dan Dr. Mohd Shahrizan bin Sahid.
45. Saya juga mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada 25 graduan Sarjana Sains Kaunseling Universiti Utara Malaysia (UUM), yang terdiri daripada Pegawai JCS serta Pegawai Pengurusan dan Profesional Pejabat SUK.
46. Selain itu, dua (2) orang Pegawai JCS iaitu Encik Fayzul bin Dato' Haji Omar dan Tuan Syed Aminuddin bin Syed Salleh juga sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana di Nanyang Technological University (NTU) dan National University of Singapore (NUS) di bawah tajaan Kerajaan Singapura.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

47. Dengan izin, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani bersama para pegawai ini untuk bangun berdiri, dan marilah kita semua memberikan tepukan gemuruh kepada mereka.
48. Berdasarkan rantaian kejayaan tersebut, maka program pengajian di peringkat PhD dan Sarjana serta pelbagai program yang melahirkan *subject matter experts* akan diteruskan pada tahun 2023, dan sejumlah **RM 6 juta** diperuntukan bagi tujuan tersebut. Kerajaan Negeri juga akan memperluaskan jaringan kolaborasi di peringkat global bagi memperkayakan pengetahuan, kompetensi kemahiran dan pengalaman dalam kalangan penjawat awam.

### **INISIATIF 2 : KEMAHIRAN TEKNOLOGI DIGITAL DATA RAYA**

49. Inisiatif kedua di bawah strategi ini, ialah **KEMAHIRAN TEKNOLOGI DIGITAL DATA RAYA**. Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 150 ribu** bagi melaksanakan program Kursus *Microsoft Power BI* kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

### **INISIATIF 3 : MENINGKATKAN PROFESIONALISME INSTITUSI KETUA KAMPUNG DAN KETUA MASYARAKAT**

50. Inisiatif ketiga pula ialah **MENINGKATKAN PROFESIONALISME INSTITUSI KETUA KAMPUNG DAN KETUA MASYARAKAT**. Sesuai dengan keperluan semasa, institusi ketua kampung dan ketua masyarakat perlu ditransformasi agar dapat melahirkan kepimpinan yang profesional dan berkemahiran. Justeru, sebanyak **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi melaksanakan inisiatif sepertimana berikut :

**Pertama** : Menawarkan kursus jangka pendek yang akan memberi pendedahan berkaitan protokol, komunikasi dan pentadbiran kepada semua ketua kampung dan ketua masyarakat;

**Kedua** : Insentif secara *one-off* kepada ketua kampung dan ketua masyarakat yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma Eksekutif;

### **STRATEGI 2 : PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG RESPONSIF**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

51. Strategi kedua di bawah Teras Tadbir Urus ialah **PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG RESPONSIF**. Sejak Mac 2022, saya memberi tumpuan kepada usaha-usaha menambah baik sistem penyampaian awam berprestasi tinggi, khususnya yang melibatkan urusan

rakyat secara langsung. Untuk tujuan tersebut, pelbagai inisiatif akan terus dilaksanakan.

#### **INISIATIF 1 : SUMBANGAN KEPADA PEGAWAI DAERAH**

52. Inisiatif pertama ialah **SUMBANGAN KEPADA PEGAWAI DAERAH**. Kerajaan Negeri memahami akan beban tugas seorang Pegawai Daerah. Mereka terpaksa menjalankan tugas berkhidmat kepada rakyat tidak kira siang mahupun malam. Merekalah yang pertama menyingsing lengan dan turun padang jika berlaku bencana. Mereka jugalah yang menyelaraskan segala program rakyat di peringkat daerah.
53. Dalam menghargai komitmen dan kesungguhan para Pegawai Daerah, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan sumbangan kerajaan untuk meringankan beban kewangan Pejabat-pejabat Daerah dengan peruntukan sebanyak **RM 2 juta**.

#### **INISIATIF 2 : REJUVENASI PERUMAHAN JOHOR**

54. Inisiatif kedua iaitu **REJUVENASI PERUMAHAN JOHOR**. Melalui *Planning, Design and Review Committee* yang ditubuhkan dan pelaksanaan *Fast Lane Approval*, tempoh kelulusan cadangan perumahan rakyat di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan akan dipendekkan daripada **99 hari kepada 45 hari sahaja**.
55. Kerajaan Negeri akan melaksanakan **program galakan pembinaan** Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) melalui penyelarasan harga rumah, caj gantian dan pindaan komposisi RMMJ **di atas tanah kurang 5 ekar**.
56. Sebagai respon kepada maklum balas rakyat dan pihak berkepentingan, Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) telah melaksanakan perubahan drastik bagi menambahbaik dan memudahkan urusan mereka. Antaranya termasuklah:

**Pertama** : Semua maklumat berkaitan pembangunan Rumah Mampu Milik Johor akan dapat diakses oleh orang awam melalui *dashboard* pengkalan data yang dikenali sebagai *Johor Real Estate Information Centre* (JREIC)

**Kedua** : Pelaksanaan *one stop centre* (OSC) bagi membolehkan urusan penyerahan Sijil Layak Memiliki Rumah (SLMR), penyempurnaan perjanjian jual beli serta permohonan pembiayaan dilaksanakan secara serentak dan;

**Ketiga** : Pembelian hartanah bumiputera dipermudahkan apabila urusan tersebut boleh dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian melalui portal hartanah di dalam sistem e-Rumah Johor.

### **INISIATIF 3: KURNIAAN TANAH KEPADA GENERASI KE-2 FELDA**

57. Inisiatif ketiga ialah **KURNIAAN TANAH KEPADA GENERASI KE-2 FELDA**. Sejak tahun 2020 hingga tahun 2022, Pentadbiran Tanah Johor telah menyelesaikan **3,561 permohonan** berkaitan tanah Felda. Untuk tahun 2023, Pentadbiran Tanah Negeri Johor mensasarkan **4 ribu permohonan** kurniaan tanah bagi generasi kedua Felda, melibatkan **15 buah rancangan Felda** di Johor diselesaikan.

### **INISIATIF 4 : FAST TRACK NIL 3.0**

58. Inisiatif keempat pula ialah **FAST TRACK NIL 3.0**. Pada masa kini, terdapat **22,487 pegangan** hak milik tanah, yang tiada syarat nyata tanah. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan melanjutkan inisiatif bagi membolehkan permohonan pengenaan syarat nyata tanah diluluskan dalam **tempoh 7 hari bekerja sahaja berbanding tempoh 3 hingga 6 bulan** bagi permohonan ubahsyarat biasa.

### **INISIATIF 5 : KEBENARAN PINDAHMILIK RUMAH KOS RENDAH**

59. Inisiatif kelima di bawah strategi ini, ialah **KEBENARAN PINDAHMILIK RUMAH KOS RENDAH**. Kerajaan Negeri juga prihatin terhadap proses permohonan kebenaran pindahmilik bagi rumah kos rendah, yang melibatkan dua agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) dan Pentadbiran Tanah Johor. Bagi mengurangkan kerenah birokrasi, Kerajaan Negeri bersetuju agar kebenaran pindahmilik tersebut hanya perlu diperolehi daripada PKPJ sahaja. Surat kelulusan daripada PKPJ tersebut akan turut digunakan dalam proses pindahmilik di Pentadbiran Tanah Johor.

### **INISIATIF 6 : PENGECUALIAN FI BAGI MENDAFTARKAN PINDAHMILIK MELALUI PERINTAH HIBAH SESAMA AHLI KELUARGA**

60. Inisiatif keenam ialah **PENGECUALIAN FI BAGI MENDAFTARKAN PINDAHMILIK MELALUI PERINTAH HIBAH SESAMA AHLI KELUARGA**. Bagi melaksanakan inisiatif tersebut mengikut hukum syarak dan peruntukan Undang-Undang Tanah, maka ia perlu disempurnakan menerusi Borang 14A Kanun Tanah Negara. Bagi menyokong inisiatif ini, sukacita saya umumkan Kerajaan Negeri bersetuju memberi pengecualian penuh bayaran pendaftaran Borang 14A bagi transaksi pindahmilik tersebut.

### **STRATEGI 3 : MEMPERHEBAT JOHOR BAHRU (GREATER JB)**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

61. Strategi ketiga di bawah teras ini ialah **MEMPERHEBAT JOHOR BAHRU (GREATER JB)**.
62. Bagi merealisasikan agenda Memperhebat Johor Bahru (*Greater JB*), 4 buah PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) akan meningkatkan penyelarasan dan kerjasama strategik ke arah pemantapan sistem tadbir urus yang cekap dan berkesan. Bagi menterjemahkan aspirasi ini, sebanyak 148 pelan tindakan telah dirangka untuk dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh 5 tahun bermula tahun hadapan. Butiran inisiatif akan diperincikan di dalam teras-teras Agenda Maju Johor yang berikutnya.

### **STRATEGI 4 : MEMPERKUKUH INTEGRITI DAN MENAIKTARAF SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

63. Strategi keempat di bawah Teras Tadbir Urus ialah **MEMPERKUKUH INTEGRITI DAN MENAIKTARAF SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN**.
64. Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan kepada pengukuhan elemen integriti di dalam tadbir urus kerajaan. Strategi ini juga akan diselarikan dengan teknologi digital dalam usaha mewujudkan masyarakat Johor yang terhubung dan berbudaya digital. Untuk tujuan tersebut **4 inisiatif** akan dilaksanakan.

#### **INISIATIF 1 : MEDIA DIGITAL JOHOR**

65. Inisiatif pertama ialah **MEDIA DIGITAL JOHOR**. Penubuhan Jabatan **Media Digital Johor (MDJ)** adalah cetusan idea Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor sebagai pusat setempat bagi menyampaikan berita sahih dan dipercayai kepada rakyat. Ini termasuk hal berkaitan dasar dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan dan Institusi DiRaja. Sebanyak **RM 7.6 juta** diperuntukkan bagi pengoperasian Media Digital Johor pada tahun 2023.

#### **INISIATIF 2 : PENDIGITALAN SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR**

66. Inisiatif kedua di bawah strategi ini, ialah **PENDIGITALAN SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR**. Jaringan internet kini merupakan salah satu keperluan asas dalam menyokong pembangunan modal insan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)

memperuntukkan sebanyak **RM 400 ribu** bagi pemasangan Wi-Fi, di **140 buah sekolah agama kerajaan Johor**. Seramai **190 ribu orang pelajar** akan menikmati manfaat daripada kemudahan ini.

### **INISIATIF 3 : MASYARAKAT JOHOR BERINFORMASI DAN BERBUDAYA DIGITAL**

67. Inisiatif ketiga di bawah teras ini adalah **MASYARAKAT JOHOR BERINFORMASI DAN BERBUDAYA DIGITAL**. Menerusi ICT@Johor, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM 7.2 juta** bagi membiayai pembangunan sistem baharu dan menyelenggara sistem sedia ada supaya dapat digunakan secara lebih komprehensif. Antaranya seperti penggunaan sistem JohorPay diperluaskan bagi pembayaran secara atas talian berkaitan perumahan negeri seperti pembayaran sewa bulanan Projek Perumahan Rakyat (PPR), bayaran kelulusan pindah milik, bayaran sijil bumiputera dan lain-lain.

### **INISIATIF 4 : PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH**

68. Inisiatif keempat ialah **PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH**. Kerajaan Negeri akan melaksanakan pensijilan MS ISO *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) atau Sistem Pengurusan Anti Rasuah di jabatan serta agensi Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak **RM 100 ribu**.

### **TERAS KEDUA : PEMBANGUNAN EKONOMI**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

Benang Johor Ragam Serasi,  
Khazanah Berzaman Hiasan Lama,  
Pembangunan Ekonomi Tunggak Aspirasi,  
Nadi Kemajuan Kemakmuran Bersama.

69. Teras kedua pula ialah **PEMBANGUNAN EKONOMI**. Untuk menjadikan Johor negeri maju, dasar-dasar dan pendekatan baharu yang sesuai diperlukan bagi pembangunan ekonomi yang mampan. Justeru, bagi tujuan memperkasa sektor ekonomi, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **6 strategi dan 29 inisiatif**.

### **STRATEGI 1 : MEMPERKASA MISI PELABURAN**

70. Strategi pertama ialah **MEMPERKASA MISI PELABURAN**. Walaupun Negeri Johor telah menerima nilai pelaburan tertinggi di Malaysia pada tahun ini, namun usaha yang

berterusan perlu dipergiat bagi memastikan Agenda Maju Johor dapat direalisasikan. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan inisiatif seperti berikut:

#### **INISIATIF 1 : PEMERKASAAN & PENGKORPORATAN INVEST JOHOR**

71. Inisiatif pertama ialah **PEMERKASAAN & PENGKORPORATAN INVEST JOHOR**. Peranan Invest Johor akan diperluas melalui penaiktarafan kepada sebuah badan korporat yang berfungsi sebagai '*focal point*' sektor pelaburan yang tidak terhad kepada sektor pengilangan dan acara perniagaan sahaja, malah mencakupi sektor-sektor yang lain juga.

#### **INISIATIF 2 : MISI GALAKAN PELABURAN, PAMERAN PERDAGANGAN DAN PENYERTAAN EKSPLO ANTARABANGSA**

72. Inisiatif kedua dalam strategi ini adalah **MISI GALAKAN PELABURAN, PAMERAN PERDAGANGAN DAN PENYERTAAN EKSPLO ANTARABANGSA**. Misi galakan pelaburan ke luar negara yang berpotensi berdasarkan sektor-sektor yang telah dikenal pasti seperti pusat data, petrokimia, farmaseutikal dan sektor-sektor utama yang lain. Selain itu, Kerajaan Negeri Johor terus memberi sokongan terhadap penyertaan dalam eksplo antarabangsa. Inisiatif ini melibatkan kerjasama pintar dengan jabatan serta agensi pelaburan lain yang berkaitan seperti Invest Johor/ JETCO/ MIDA/ MITI/ MDEC/ IRDA/ ECERDC/ IIB/ JPDC dan lain-lain. Bagi menjayakan inisiatif ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM 1 juta**.

#### **INISIATIF 3 : FRIENDLY JOHOR 2.0**

73. Inisiatif ketiga ialah **FRIENDLY JOHOR 2.0** yang merupakan sesi libat urus bersama rakan organisasi pelabur, pemain industri dan lawatan ke agensi promosi domestik dalam meningkatkan keyakinan pelabur berpotensi untuk memilih Johor sebagai destinasi pilihan pelaburan utama yang strategik, menarik, mesra dan selamat. Bagi pelaksanaan inisiatif ini, sejumlah **RM 300 ribu** akan diperuntukkan.

#### **INISIATIF 4 : JOHOR GO GLOBAL 2.0**

74. Manakala inisiatif keempat pula adalah **JOHOR GO GLOBAL 2.0**. Sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi inisiatif ini untuk mempromosi Negeri Johor sebagai satu jenama lokasi pelaburan yang strategik melalui platform digital.



## **INISIATIF 5 : PENGANJURAN JOHOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT**

75. Inisiatif kelima pula ialah **PENGANJURAN JOHOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT**. Melalui inisiatif ini, sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi pelaksanaan program bertaraf antarabangsa yang melibatkan para pelabur dan pemain utama industri dari dalam dan luar negara.

## **STRATEGI 2 : MENYEDIAKAN PELUANG LATIHAN KEMAHIRAN DAN PEMADANAN PEKERJAAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

76. Strategi kedua pula ialah **MENYEDIAKAN PELUANG LATIHAN KEMAHIRAN DAN PEMADANAN PEKERJAAN**. Menyedari kesan pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri memberi reaksi pantas dengan mewujudkan inisiatif bagi memulih dan meningkatkan pasaran tenaga kerja di Johor dengan menawarkan program-program *reskilling* dan *upskilling* serta latihan kemahiran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan inisiatif lain sebagaimana berikut:

### **INISIATIF 1 : HAB SKILLS JOHOR**

77. Inisiatif pertama ialah **HAB SKILLS JOHOR**. Kerajaan Negeri melalui YPJ Holdings akan terus berusaha bagi memastikan Johor dilengkapi dengan infrastruktur terbaik terutamanya daripada segi pembangunan kemahiran yang akan beroperasi pada tahun 2023. Kampus latihan seluas 35 ekar ini akan menjadi kampus termoden di Johor yang mampu menampung sehingga **6 ribu pelatih** dengan kos pembinaan sebanyak **RM 107 juta**. Kampus ini akan menumpukan kepada bidang penjagaan kesihatan, minyak dan gas, perkhidmatan & peruncitan, hospitaliti & pelancongan, serta bioteknologi dan logistik.

### **INISIATIF 2 : PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN JOHOR**

78. Inisiatif kedua ialah **PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN JOHOR**. Di bawah inisiatif ini, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan memperuntukkan sebanyak **RM 3.65 juta** bagi melaksanakan program-program berikut:

**Pertama** : **RM 3 juta** diperuntukkan bagi pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Johor (Pro-Mahir) untuk latihan kemahiran *upskilling* dan *reskilling* dalam bidang-bidang yang mendapat permintaan tinggi di pasaran seperti bidang automotif, minyak dan gas, aeroangkasa, kesihatan, elektrik, elektronik dan robotik.

**Kedua** : **RM 150 ribu** diperuntukkan bagi pelaksanaan program **skill enhancement** untuk latihan jangka masa pendek atau latihan secara *one-off* oleh Institut Dato' Onn (IDO)

**Ketiga** : **RM 500 ribu** diperuntukkan kepada **Tabung Latihan Kemahiran Johor** yang akan digunakan untuk menampung sebahagian daripada bayaran pinjaman 250 orang pelajar Kolej Kemahiran YPJ yang kurang berkemampuan.

### **INISIATIF 3 : GERAK KERJAYA JOHOR 2023**

79. Inisiatif ketiga pula ialah **GERAK KERJAYA JOHOR 2023**. Inisiatif ini diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM 500 ribu** yang melibatkan kerjasama strategik agensi kerajaan dan penyertaan pemain industri daripada pelbagai sektor yang bertujuan untuk pepadanan pekerjaan.

### **INISIATIF 4 : KARNIVAL TVET SMI 2023**

80. Inisiatif keempat pula ialah **KARNIVAL TVET SMI 2023**. Bagi tujuan mempromosikan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM 300 ribu** bagi pelaksanaan **KARNIVAL TVET SMI 2023**.

### **STRATEGI 3 : MEMPERKASA INDUSTRI PELANCONGAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

81. Strategi ketiga di bawah teras ini adalah **MEMPERKASA INDUSTRI PELANCONGAN**. Pembukaan semula sempadan antarabangsa pada April 2022 telah memberi impak kepada peningkatan bilangan pelancong. Perkembangan ini berjaya merencanakan pertumbuhan sektor pelancongan dan kegiatan ekonomi tempatan. Justeru, beberapa inisiatif berikut dirangka bagi terus merangsang industri pelancongan.

#### **INISIATIF 1 : KERJA-KERJA *SOFTSCAPE* DAN *HARDSCAPE* DI PINTU MASUK UTAMA NEGERI JOHOR**

82. Inisiatif pertama ialah **KERJA-KERJA *SOFTSCAPE* DAN *HARDSCAPE* DI PINTU MASUK UTAMA NEGERI JOHOR**. Berjiran dengan Singapura dan sebagai pintu masuk utama negara di selatan tanah air, ia dapat memberi kesan limpahan ekonomi kepada Johor. Justeru itu, melalui empat PBT di daerah Johor Bahru dan Kulai, sebanyak **RM 14.3 juta** diperuntukkan bagi mempergiat pelaksanaan kerja-kerja *softscape* dan *hardscape* di pintu masuk utama Negeri Johor sebagai sebahagian daripada Agenda Greater JB.

## INISIATIF 2 : PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN

83. Inisiatif kedua ialah **PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN**. Pelbagai kemudahan infrastruktur pelancongan juga akan ditambahbaik dan diselenggara secara berterusan. Kerajaan Negeri akan menyalurkan sejumlah **RM 8.3 juta** bagi tujuan seperti berikut;

- Pertama** : **RM 600 ribu** diperuntukkan bagi membaik pulih dan persediaan membuka Muzium Sultan Abu Bakar, Diraja Johor;
- Kedua** : **RM 2 juta** diperuntukkan untuk kerja-kerja menaiktaraf Zoo Johor;
- Ketiga** : **RM 1.1 juta** diperuntukkan bagi menambah baik pelbagai infrastruktur dalam sektor pelancongan, iaitu pintu-pintu masuk jeti, menaiktaraf kemudahan awam di Pulau Besar, Mersing serta kawasan Air Terjun Kota Tinggi;
- Keempat** : **RM 1.8 juta** diperuntukkan bagi Taman Negara Johor Gunung Ledang untuk membina kemudahan awam, pintu gerbang, surau beserta landskap, kompleks pelawat, pembinaan medan selera, Pusat Kraftangan IKS dan hentian rehat di pintu masuk Air Terjun Gunung Ledang, Tangkak;
- Kelima** : **RM 600 ribu** bagi membina surau, landskap serta *wall guard* dan jambatan di tali air serta tandas awam di Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian;
- Keenam** : **RM 530 ribu** bagi penyediaan pelan reka bentuk pembangunan di enam Taman Negara di bawah penyelenggaraan Perbadanan Taman Negara Johor;
- Ketujuh** : **RM 620 ribu** untuk pengurusan sampah yang efektif dan berkala di Taman-Taman Negara Johor;
- Kelapan** : **RM 500 ribu** bagi kerja-kerja menaiktaraf Taman Eko Rimba Gunung Belumut, Kluang;

**Kesembilan** : **RM 300 ribu** bertujuan menaiktaraf fasiliti trek pendakian Gunung Lambak, Kluang;

**Kesepuluh** : **RM 250 ribu** diperuntukkan bagi menaiktaraf infrastruktur dan fasiliti di muzium dan galeri terpilih yang diuruskan oleh Yayasan Warisan Johor.

### **INISIATIF 3 : PENGANJURAN ACARA-ACARA PELANCONGAN JOHOR**

84. Inisiatif ketiga ialah **PENGANJURAN ACARA-ACARA PELANCONGAN JOHOR**. Kejayaan Kerajaan Negeri dalam penganjuran beberapa acara pelancongan seperti Festival Majestic Johor (MJF), kejohanan sukan pelancongan Le'tape dan Ironman telah menjadi pemangkin kepada kehadiran pelancong ke Johor. MJF contohnya, telah menerima penghormatan daripada Industri Pelancongan Malaysia apabila menerima anugerah *Gold Award Attractive State Tourism Event*.
85. Justeru itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 3 juta** bagi menganjurkan *signature events* di peringkat antarabangsa dan domestik. Inisiatif ini dijangka menarik **lebih 1 juta pelancong** ke acara-acara pelancongan seterusnya turut memberi limpahan kepada pemain industri pelancongan seperti perhotelan, peruncitan, *Food and Beverage* (F&B) dan juga peniaga-peniaga kecil.

### **INISIATIF 4 : PEMASARAN & PROMOSI MAJESTIC JOHOR**

86. Inisiatif keempat ialah **PEMASARAN & PROMOSI MAJESTIC JOHOR**. Johor perlu memanfaatkan pembukaan semula sempadan dengan melaksanakan strategi pemasaran dan promosi Majestic Johor. Peruntukan sebanyak **RM 2.45 juta** disediakan bagi tujuan promosi segmen-segmen pelancongan meliputi pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan serta pelancongan budaya dan warisan.

### **INISIATIF 5 : PIAWAIAN PELANCONGAN MAJESTIC JOHOR**

87. Inisiatif kelima pula ialah **PIAWAIAN PELANCONGAN MAJESTIC JOHOR**. Bagi mengekalkan kualiti perkhidmatan, kebersihan, keselamatan dan kesihatan di pusat-pusat pelancongan Negeri Johor, **RM 620 ribu** diperuntukkan bagi menyediakan satu piawaian khusus yang dapat mengukur tahap kualiti perkhidmatan tersebut. Antaranya ialah penganjuran *Majestic Johor Tourism Award* yang akan menjadi tanda aras bagi pemain-pemain industri pelancongan.

## INISIATIF 6 : PEMERKASAAN SUMBER MANUSIA SEKTOR PELANCONGAN

88. Inisiatif terakhir di bawah strategi ini ialah **PEMERKASAAN SUMBER MANUSIA SEKTOR PELANCONGAN**. Barisan hadapan sektor pelancongan iaitu pemandu pelancong sangat penting dalam merencanakan sektor pelancongan di Johor. Menyedari keperluan ini, sebanyak **RM 500 ribu** disediakan bagi melaksanakan program latihan dan pembangunan kepada **1,000 orang pemandu pelancong** sekali gus meningkatkan kapasiti tenaga kerja di sektor ini.

**STRATEGI 4 : PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

89. Strategi keempat ialah **PEMBANGUNAN USAHAWAN**. Bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan yang mampan dan berdaya saing, Kerajaan Negeri terus menyokong Agenda Dasar Keusahawanan Nasional yang memfokuskan kepada komuniti keusahawanan yang inklusif dan kompetitif, khususnya sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

### INISIATIF 1 : GALAKAN MELAHIRKAN USAHAWAN BAHARU

90. Inisiatif pertama ialah **GALAKAN MELAHIRKAN USAHAWAN BAHARU**. Dalam usaha membudayakan keusahawanan dalam kalangan Bangsa Johor, Kerajaan Negeri Johor memperuntukkan **RM 1.5 juta** bagi pelaksanaan program-program berikut:

**Pertama** : **RM 1 juta** untuk Program *Road to Entrepreneurship* bagi menggalakkan **1,000** usahawan baharu mendaftar perniagaan, membuka akaun syarikat dan ke arah *cashless society*.

**Kedua** : **RM 500 ribu** untuk melaksanakan **PROGRAM LATIHAN USAHAWAN JOHOR** kepada seramai **6,500** usahawan baharu.

**Ketiga** : Sebagai tambahan, **RM 400 ribu** diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) bagi pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Asnaf melalui kerjasama MAIJ dan Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB).

### INISIATIF 2 : PENGEMBANGAN USAHAWAN SEDIA ADA

91. Inisiatif kedua pula adalah **PENGEMBANGAN USAHAWAN SEDIA ADA**. Selain galakan dalam melahirkan usahawan baharu, usahawan sedia ada yang aktif juga menjadi fokus

Kerajaan Negeri. Justeru, peruntukan berjumlah **RM 4.3 juta** disediakan untuk melaksanakan program-program berikut:

- Pertama** : **GERAN USAHAWAN BANGSA JOHOR** dengan peruntukan berjumlah **RM 1.5 juta** untuk meningkatkan purata pendapatan **240 usahawan mikro** melalui pemberian barangan dan peralatan.
- Kedua** : **PROMOSI PRODUK USAHAWAN JOHOR** dengan peruntukan berjumlah **RM 800 ribu** bagi mengetengahkan produk-produk tempatan sehingga menembusi ke peringkat global yang akan memanfaatkan **400 usahawan** di seluruh Johor.
- Ketiga** : **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **JELAJAH USAHAWAN JOHOR** untuk mempromosikan video produk dan perkhidmatan di stesen televisyen terpilih. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada **100 usahawan**.
- Keempat** : **RM 1 juta** diperuntukkan bagi **PROGRAM PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK**, yang merupakan usahasama antara PUJB dan Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) bagi membantu syarikat-syarikat *start-up* dan PMKS untuk menjalankan usaha pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan universiti-universiti tempatan.
- Kelima** : Sebagai tambahan, JOHOR CORPORATION akan memperuntukkan **RM 330 ribu** bagi program **DANA NIAGA DAN WAQAFPRENEUR** yang memberi manfaat kepada **136 usahawan PMKS**.

### **INISIATIF 3 : PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT**

92. Inisiatif ketiga di bawah teras kedua ini ialah **PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI SETEMPAT**. Masyarakat berdikari dapat dilahirkan menerusi pembangunan ekonomi setempat melalui projek keusahawanan komuniti yang berdaya maju. Bagi merealisasikan matlamat ini, **RM 1 juta** diperuntukkan yang memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 40 persatuan serta pertubuhan dalam komuniti.

### **INISIATIF 4 : FESTIVAL USAHAWAN BANGSA JOHOR**

93. Inisiatif seterusnya ialah **FESTIVAL USAHAWAN BANGSA JOHOR**. **RM 1 juta** disediakan bagi penganjuran **FESTIVAL USAHAWAN BANGSA JOHOR** yang memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya **500 usahawan** dengan capaian **40 ribu pengunjung**.

## **STRATEGI 5 : MEMPERKASA INDUSTRI MAKANAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

94. Strategi kelima bagi teras kedua ialah **MEMPERKASA INDUSTRI MAKANAN**. Dengan mengambil kira Negeri Johor sebagai pengeluar utama hasil pertanian negara, Kerajaan Negeri perlu mengambil peluang ini untuk berperanan sebagai *food basket* kepada Malaysia dan *food bank* kepada negara-negara serantau dengan mengeratkan kerjasama bersama Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) serta kerjasama dengan Singapura melalui perbincangan dalam Joint Ministerial Committee (JMC). Bagi memastikan strategi ini dapat direalisasikan, **7 inisiatif** berikut juga akan dilaksanakan.

### **INISIATIF 1 : PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK, PEMODENAN DAN PERTANIAN LESTARI**

95. Inisiatif pertama ialah **PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK, PEMODENAN DAN PERTANIAN LESTARI**. **RM 1.9 juta** diperuntukkan untuk program ini yang melibatkan **370 usahawan tani** dalam mentransformasi bidang pertanian dan industri makanan menerusi sistem mekanisasi dan teknologi tinggi bagi meningkatkan kualiti, kuantiti dan nilai harga produk pertanian berdasarkan amalan pertanian lestari.

### **INISIATIF 2 : PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN MAKANAN UTAMA DAN KOMODITI BERPOTENSI**

96. Inisiatif kedua ialah **PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN MAKANAN UTAMA DAN KOMODITI BERPOTENSI**. **RM 3.3 juta** diperuntukkan bagi industri tanaman makanan utama ini yang akan meningkatkan 6.5 peratus pengeluaran buah-buahan. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada **1 ribu usahawan tani** meliputi pelbagai projek tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan sawah padi yang melibatkan keluasan tanah 2,300 hektar.
97. Selain daripada tanaman makanan utama, Kerajaan Negeri juga berusaha meningkatkan jumlah pengeluaran komoditi berpotensi seperti tanaman herba, rempah ratus, cendawan, madu dan kopi dengan peruntukan sebanyak **RM 700 ribu**.

### **INISIATIF 3 : PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT)**

98. Inisiatif ketiga pula ialah **PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT)**. Bagi memperkasa Usahawan Industri Asas Tani (IAT), Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM**

**2 Juta** untuk pemberian bantuan peralatan yang mensasarkan peningkatan pengusaha memiliki pensijilan MESTI dan HALAL, peningkatan produktiviti dan kualiti produk dengan melibatkan sekurang-kurangnya 135 usahawan IAT.

#### **INISIATIF 4 : PROGRAM PERTANIAN KOMUNITI**

99. Inisiatif yang keempat ialah **PROGRAM PERTANIAN KOMUNITI**. Kerajaan Negeri akui, Program Pertanian Komuniti amat signifikan sebagai salah satu strategi untuk menggalakkan interaksi sosial sesama komuniti. Maka peruntukan sebanyak **RM 800 ribu** akan disediakan bagi program ini untuk meningkatkan pendapatan dan meringankan kos sara hidup dalam komuniti setempat.
100. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Program Pembangunan Taman Komuniti Pihak Berkuasa Tempatan dengan peruntukan sebanyak **RM 400 ribu** untuk membangunkan dua Taman Komuniti berskala antara 1 hingga 2 ekar oleh Jabatan Landskap Johor.

#### **INISIATIF 5 : PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN**

101. Inisiatif seterusnya ialah **PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN**. Industri ternakan ruminan juga akan mendapat manfaat melalui inisiatif ini dengan peruntukan sebanyak **RM 1.2 Juta** bagi tujuan kawalan penyakit dan kesihatan ternakan. Inisiatif ini akan memanfaatkan **3,317 penternak** di Johor.

#### **INISIATIF 6 : PEMBANGUNAN INDUSTRI PERIKANAN**

102. Inisiatif keenam ialah **PEMBANGUNAN INDUSTRI PERIKANAN**. Pembangunan Industri Akuakultur dan Pemuliharaan Sumber Perikanan juga akan terus diperkasakan dengan peruntukan berjumlah **RM 600 ribu** yang bertujuan meningkatkan hasil perikanan sebanyak 10 peratus menerusi pelbagai aktiviti perikanan akuakultur.
103. Melalui Program Pengurusan Bersepadu dan Pembangunan Aktiviti Komuniti Perikanan pula, peruntukan sebanyak **RM 400 ribu** akan memberi manfaat kepada golongan nelayan darat, komuniti perikanan dengan menyediakan kursus-kursus bagi memantapkan pengurusan projek sosial perikanan kepada golongan nelayan.

#### **INISIATIF 7: PEMBANGUNAN PRODUKTIVITI ESTET KERANG-KERANGAN NEGERI JOHOR**

104. Inisiatif ketujuh pula adalah **PEMBANGUNAN PRODUKTIVITI ESTET KERANG-KERANGAN NEGERI JOHOR**. Estet kerang-kerangan merupakan nadi kepada sumber perikanan di Negeri Johor. Sehingga tahun 2022, pengeluaran hasil kerang-kerangan adalah berjumlah 1,560 Metrik Tan (MT), manakala pada 2023 pula Kerajaan Negeri



mensasarkan peningkatan pengeluaran kepada 1,691 Metrik Tan (MT). Sebanyak **RM 200 ribu** diperuntukkan bagi menyokong inisiatif ini.

## **STRATEGI 6 : PEMBANGUNAN KOPERASI**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

105. Strategi keenam pula adalah **PEMBANGUNAN KOPERASI**. Kerajaan Negeri amat menggalakkan aktiviti ekonomi komuniti menerusi pembangunan koperasi. Koperasi terbukti mampu menjana pendapatan dan mengukuhkan ikatan sosial dalam komuniti. Justeru, Kerajaan Negeri memberi perhatian serius untuk pembangunan koperasi dengan peruntukan **RM 1.8 juta** bagi menjayakan tiga inisiatif berikut:

### **INISIATIF 1 : COOP MAJU JOHOR**

106. Inisiatif pertama adalah **COOP MAJU JOHOR**. Bagi penubuhan koperasi, pelbagai usaha dijalankan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Berikutan itu, geran khas berjumlah **RM 1.5 juta** diberikan bagi memastikan koperasi di Johor mempunyai tadbir urus yang baik dan mematuhi perundangan koperasi.

### **INISIATIF 2 : GROOM BIG PRODUK KOPERASI**

107. Inisiatif kedua pula ialah **GROOM BIG PRODUK KOPERASI**. Peruntukan **RM 200 ribu** disediakan bagi membantu membangunkan produk koperasi melalui penjenamaan, pembungkusan, pelabelan dan pensijilan status halal sehingga berjaya menembusi pasaran global.

### **INISIATIF 3 : ANUGERAH KOPERASI TERBAIK**

108. Inisiatif ketiga pula ialah **ANUGERAH KOPERASI TERBAIK**. Pengiktirafan kepada koperasi mampu meningkatkan imej dan keyakinan masyarakat untuk melibatkan diri secara aktif dalam perniagaan koperasi. Sehubungan itu, **RM 100 ribu** diperuntukkan bagi penganjuran Anugerah Koperasi Terbaik yang akan mengiktiraf **60 koperasi** terbaik Johor.

## **TERAS KETIGA : JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

Masyhur Nama Permata Selatan,  
Penuh Kenangan Kekal Berseri,  
Teras Ketiga Jaringan Keselamatan,  
Perkukuh Kebajikan Rakyat Lestari.

109. Teras ketiga ialah **JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**. Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk terus menjaga dan membela golongan rentan dan semua yang memerlukan. Maka, pelbagai strategi dan inisiatif diwujudkan untuk menghakapayakan golongan yang terjejas dari segi ekonomi, kesihatan dan keperluan sosial. Justeru, bagi tujuan teras ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **4 strategi dan 19 inisiatif**.

#### **STRATEGI 1 : PEMBANGUNAN PERUMAHAN RAKYAT**

110. Strategi pertama ialah **PEMBANGUNAN PERUMAHAN RAKYAT**. Memiliki sebuah rumah kediaman menjadi impian setiap Bangsa Johor. Sebagai Kerajaan yang sentiasa mendengar denyut nadi serta suara hati rakyat, pastinya penyediaan rumah kepada golongan B40 dan M40 menjadi tumpuan dan agenda utama Kerajaan Negeri pada hari ini. Justeru, pelbagai inisiatif telah dirangka bagi mencapai strategi ini.

#### **INISIATIF 1 : PENYEDIAAN RUMAH MAMPU MILIK JOHOR**

111. Inisiatif pertama ialah **PENYEDIAAN RUMAH MAMPU MILIK JOHOR**. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) akan memastikan koordinasi yang lebih efisien dalam pembangunan perumahan mampu milik sebagaimana berikut:

**Pertama** : PKPJ melalui kerjasama strategik dengan pemaju-pemaju hartanah telah mensasarkan pembinaan **21,139 unit** Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di seluruh Negeri Johor dalam tempoh 5 tahun. Untuk tahun 2023, sejumlah **1,967 unit** dijangka siap yang melibatkan Daerah Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Tinggi, Kluang, Mersing, Kulai dan Tangkak.

**Kedua** : **RM 30 juta** diperuntukkan bagi pembangunan **216 unit** Rumah Impian Bangsa Johor (RIBJ) di daerah Mersing melalui kerjasama PKPJ, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dan Yayasan Sultan Ibrahim.

- Ketiga** : **RM 5 juta** diperuntukkan bagi pembinaan **50 unit** rumah Rumah Kasih Johor untuk golongan miskin dan miskin tegar.
- Keempat** : **RM 14 juta** diperuntukkan bagi pembelian dua (2) projek perumahan secara *en bloc* melibatkan **216 unit** rumah di Bandar Putra Kulai dan **100 unit** rumah di Taman Laman Indah, Iskandar Puteri untuk Program Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ).
- Kelima** : **RM 1.58 juta** diperuntukkan bagi pembelian **30 unit** rumah di Pangsapuri Aman Larkin 1 untuk ditawarkan secara '*Rent to Own*' kepada rakyat yang mempunyai masalah kewangan untuk memiliki rumah.
- Keenam** : YPJ Holding akan menyempurnakan pembangunan **300 unit** rumah mampu milik di bawah Projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di Taman YPJ Punggai, Pengerang.

112. Di samping memastikan sasaran bilangan rumah ini tercapai, Kerajaan Negeri juga memberi penekanan kepada penetapan kualiti rumah dengan menetapkan syarat standard QClassic sebagai garis panduan dan spesifikasi pembinaan RMMJ. Penetapan QClassic ini adalah sebagai kaedah untuk mengukur dan menilai kualiti berdasarkan *Construction Industry Standard (CIS 7:2014)*.

#### **INISIATIF 2 : PEMBERIAN BAUCAR RM 1,000 RMMJ**

113. Inisiatif kedua ialah **PEMBERIAN BAUCAR RM 1,000 RMMJ**. Kerajaan Negeri melalui PKPJ memperuntukkan **RM 2 juta** bagi meneruskan inisiatif pemberian baucar kepada pembeli Rumah Mampu Milik Johor. Baucar ini akan diberikan semasa pembeli mengambil kunci rumah yang sedia untuk diduduki.

#### **INISIATIF 3 : PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DAN FLAT AWAM**

114. Inisiatif ketiga dalam teras ini ialah **PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DAN FLAT AWAM**. Kesejahteraan hidup golongan berpendapatan rendah yang menghuni PPR dan flat awam akan terus mendapat pembelaan kerajaan. Justeru, Kerajaan Negeri melalui PKPJ dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan memperuntukkan **RM 96.92 juta** bagi pelaksanaan inisiatif berikut:

- Pertama** : **RM 49.42 juta** bagi membaik pulih pangsapuri dan flat awam melibatkan Pangsapuri EDL, Sri Stulang, Bukit Saujana di Johor Bahru, Pangsapuri Kenari dan Jentayu di Kangkar Pulai, serta Rumah Pangsa Kulai dan Pontian.
- Kedua** : **RM 28.9 juta** bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan serta membaik kecekapan di tiga belas (13) PPR dan tujuh (7) RSK yang akan memberi manfaat kepada **67,400 orang penduduk**.
- Ketiga** : **RM 10 juta** bagi membaik pulih rumah PPR, RSK dan flat awam yang rosak dan terkesan akibat bencana.
- Keempat** : **RM 8.6 juta** diperuntukkan bagi membiayai kos pengurusan fasiliti di PPR Sri Iskandar, PPR Sri Stulang, PPR Desa Mutiara, PPR Kempas, PPR Melana 1 dan PPR Melana 2.

#### **INISIATIF 4 : PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR)**

115. Inisiatif seterusnya ialah **PROGRAM BANTUAN RUMAH (PBR)**. Sejumlah **RM 2.5 juta** diperuntukkan bagi PBR untuk pelaksanaan kerja baik pulih **160 unit** rumah usang dan rosak yang didiami oleh golongan miskin dan miskin tegar.

#### **INISIATIF 5 : SISTEM PERUMAHAN NEGERI JOHOR**

116. Inisiatif kelima pula ialah **SISTEM PERUMAHAN NEGERI JOHOR**. Inisiatif ini dilaksanakan selari dengan visi mentransformasi perkhidmatan perumahan yang cekap, berkesan dan berkualiti. Sebagai permulaan Kerajaan Negeri melalui PKPJ akan memperuntukkan **RM 3 juta** bagi pembangunan sistem tersebut secara berfasa.

#### **INISIATIF 6 : EKSPLO HARTANAH JOHOR**

117. Inisiatif keenam dalam strategi ini ialah **EKSPLO HARTANAH JOHOR**. PKPJ dengan peruntukan berjumlah **RM 2 juta** akan menganjurkan beberapa siri Ekspo Hartanah Johor bagi memberi peluang kepada mereka yang berkelayakan untuk membeli Rumah Mampu Milik Johor dan hartanah Lot Bumiputera secara jualan langsung daripada pemaju.

#### **STRATEGI 2 : KEBAJIKAN RAKYAT**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

118. Strategi kedua dalam teras ini ialah **KEBAJIKAN RAKYAT**. Selaras dengan Agenda Maju Johor, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil berat nasib yang dialami oleh

golongan miskin, anak-anak yatim, orang kurang upaya, ibu tunggal dan semua golongan yang memerlukan dalam memenuhi agenda ini.

119. Semasa pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri telah membelanjakan **RM 494.51 juta** bagi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 1.0, 2.0 dan 3.0. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Pakej Bantuan Kasih Bangsa Johor (BKBJ) telah menyalurkan **RM 149.07 juta** yang telah memberi manfaat kepada **3.69 juta orang** penerima. Malahan, keluarga DiRaja Johor juga turut menyumbang bagi meringankan beban rakyat Johor.
120. Untuk makluman semua, sepanjang tempoh pandemik COVID-19, Keluarga DiRaja Johor telah menyumbang sebanyak **RM 123 juta** merangkumi pelbagai jenis sumbangan yang telah membantu kehidupan seramai **1.6 juta** Bangsa Johor.
121. Patik mewakili Bangsa Johor Merafak Sembah Menjunjung Setinggi-tinggi Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bersama Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dan Keluarga DiRaja Johor di atas segala kurniaan yang diberikan. Patik amat yakin segala kurniaan ini pastinya dapat meringankan beban golongan yang memerlukan. Sesungguhnya Raja, pemimpin dan rakyat berpisah tiada.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

122. Justeru, bagi melaksanakan Strategi Kebajikan Rakyat ini, empat inisiatif akan dilaksanakan untuk mencapai matlamat Bangsa Johor yang bahagia, sejahtera dan mampan.

#### **INISIATIF 1 : MEMBASMI KEMISKINAN**

123. Inisiatif pertama ialah **MEMBASMI KEMISKINAN**. Agenda pembasmian kemiskinan sentiasa menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri beriltizam untuk mencapai sasaran sifar miskin tegar menjelang 2025 melalui inisiatif berikut:
  - Pertama** : **RM 278 juta** diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membantu **66 ribu orang penerima** bantuan yang meliputi Bantuan Am Negeri dan bantuan-bantuan Kerajaan Persekutuan.
  - Kedua** : **RM 6 Juta** diperuntukkan **oleh IRDA bagi Program Pembasmian Kemiskinan Tegar** yang dilaksanakan melalui pemberian peralatan perniagaan dan latihan dengan tujuan untuk menambah pendapatan Ketua Isi Rumah (KIR) sehingga berjaya keluar dari kelompok miskin tegar.

- Ketiga** : **RM 7.8 juta** diperuntukkan **oleh MAIJ** bagi menampung perbelanjaan barangan keperluan harian kepada **6 ribu orang asnaf** dan menyediakan bantuan pendidikan kepada **1,200 orang anak-anak asnaf**.
- Keempat** : **RM 1.2 Juta** diperuntukkan **kepada** Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) bagi pelaksanaan **Projek Komuniti di Hati** yang memanfaatkan **48 ribu penerima**.
- Kelima** : **RM 2 juta** diperuntukkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi membina sebuah Pusat Sivik Larkin di Taman Larkin Perdana yang akan turut digunakan sebagai penempatan sementara golongan gelandangan.

## **INISIATIF 2 : PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA DAN PEMERKASAAN WANITA**

124. Inisiatif kedua pula ialah **PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA DAN PEMERKASAAN WANITA**. Pada masa kini, keluarga dan komuniti menghadapi pelbagai cabaran psikososial. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil peduli akan kesejahteraan keluarga dengan menawarkan pelbagai program dan aktiviti intervensi yang melibatkan wanita dan keluarga dengan memperuntukkan sebanyak **RM 4.94 juta** sebagaimana berikut.

- Pertama** : **Kasih Suri Aspirasi Keluarga Johor**. Kerajaan Negeri prihatin terhadap isu keselamatan sosial terutama yang melibatkan simpanan masa hadapan. Justeru, Kerajaan Negeri bersetuju mencarum **RM 60** setahun ke dalam akaun KWSP suri rumah yang berdaftar dalam sistem eKasih sebagai galakan simpanan, manakala Kerajaan Persekutuan menambah sebanyak **RM 480** setahun bagi setiap pencarum. Keseluruhan bantuan yang diterima adalah **RM 540**. Sebanyak **RM 771 ribu** diperuntukkan yang akan memberi manfaat kepada **12,864** penerima daripada golongan suri rumah eKasih;
- Kedua** : **RM 1 juta** diperuntukkan bagi kerja-kerja awalan untuk **Pembangunan Rumah Pesona Wanita** sebagai pusat perlindungan wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga;
- Ketiga** : **RM 1.5 juta** bagi pelaksanaan **Program Inisiatif Bantu Keluarga dan Masyarakat (I-BERKAT)** yang merupakan bantuan khusus berkaitan kesihatan dan barangan keperluan khas bagi memastikan Keluarga Bangsa Johor terus disantuni dan kekal sihat;

- Keempat** : **RM 900 ribu** diperuntukkan bagi **Program Pemberdayaan Wanita dan Golongan Sasar** melibatkan **1,500 wanita dan keluarga** dari kalangan **B40**;
- Kelima** : **RM 565 ribu** diperuntukkan untuk **Program Galakan dan Pengiktirafan Pesona Johor** bagi memperkasa pembangunan wanita agar lebih dinamik, proaktif dan progresif;
- Keenam** : **RM 200 ribu** bagi pelaksanaan **Program Intervensi Keluarga dan Komuniti Mind-X** untuk meningkatkan kesejahteraan psikologi dan mental yang memberi manfaat kepada 5 ribu orang di pelbagai peringkat usia.

### **INISIATIF 3 : POTENSI ANAK JAUHAR**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

125. Inisiatif seterusnya ialah **POTENSI ANAK JAUHAR**. Kanak-kanak adalah masa depan kelestarian Bangsa Johor. Pada peringkat awal kanak-kanak ini, perhatian dan didikan yang sempurna perlu diberikan kepada mereka agar dapat membesar sebagai Bangsa Johor yang progresif dan dinamik. Seiring dengan aspirasi Yang Amat Mulia Che Puan Besar Khaleeda Binti Bustamam supaya setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama, Kerajaan Negeri akan melaksanakan program-program berikut dengan peruntukan sebanyak **RM 4.18 juta**:

- Pertama** : **Child Support Team Johor** dengan peruntukan sebanyak **RM 210 ribu** bagi mengadakan latihan kepada **300 orang** yang mewakili pelbagai aktivis sosial;
- Kedua** : Penubuhan **Jauhar Childcare Centre (JCC)**. Selepas Projek Rintis JCC Kota Iskandar, Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah lagi JCC di **Segamat** dengan peruntukan sebanyak **RM 535 ribu**;
- Ketiga** : **Kursus Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP)** dengan peruntukan sebanyak **RM 180 ribu** yang mensasarkan **200 pengasuh** untuk diiktiraf sebagai pengasuh berdaftar oleh JKM;
- Keempat** : **Program Penarafan bintang Pusat Jagaan Kanak-kanak** dengan peruntukan sebanyak **RM 250 ribu**;

**Kelima** : **Program Anak Angkat Makmur Johor.** Kesan pandemik COVID-19 menyebabkan ramai anak-anak yang kehilangan ibu bapa. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan masa depan anak-anak ini dan akan memperuntukkan sebanyak **RM 3 juta** untuk terus menyantuni seramai **1,825** anak-anak yatim dan yatim piatu sehingga mereka mencapai usia 18 tahun.

#### **INISIATIF 4 : MEMBELA ORANG KURANG UPAYA**

126. Inisiatif keempat dalam strategi ini ialah **MEMBELA ORANG KURANG UPAYA.** Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tanggungjawab menghakupayakan Orang Kurang Upaya (OKU) agar kehidupan mereka lebih sejahtera. Sejumlah **RM 860 ribu** diperuntukkan bagi inisiatif ini. Justeru antara inisiatif yang diambil adalah sebagaimana berikut:

**Pertama** : ***Disability Empowerment and Enhancement Programme (DEEP)*** dengan peruntukan sebanyak **RM 300 ribu** untuk memberi peluang pekerjaan kepada **300 OKU** dalam pelbagai sektor.

**Kedua** : **Kerja-Kerja Pembaikan, Penyelenggaraan dan Naik Taraf Premis JKM** termasuk Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dengan peruntukan sebanyak **RM 560 ribu.**

#### **STRATEGI 3 : KESEJAHTERAAN ORANG ASLI**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

127. Strategi ketiga di dalam teras ini ialah **KESEJAHTERAAN ORANG ASLI.** Orang Asli adalah sebahagian daripada Bangsa Johor. Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan kebajikan mereka dan sentiasa memberi seluruh komitmen dalam mempertahankan dan memulihara lingkungan semulajadi Orang Asli agar mereka dapat hidup dengan sejahtera dan makmur. Antara inisiatif yang diberi tumpuan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

#### **INISIATIF 1 : PEMBANGUNAN MODAL INSAN ORANG ASLI**

128. Inisiatif pertama ialah, **PEMBANGUNAN MODAL INSAN ORANG ASLI.** Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 152 ribu** bagi pelaksanaan program yang dapat meningkatkan keupayaan Orang Asli untuk bersama membangunkan sosioekonomi Negeri Johor.



## **INISIATIF 2 : PEMBANGUNAN KAMPUNG ORANG ASLI SEJAHTERA**

129. Inisiatif kedua ialah **PEMBANGUNAN KAMPUNG ORANG ASLI SEJAHTERA**. Inisiatif ini akan memperkasakan institusi kampung Orang Asli yang cekap dan berkesan bagi memacu pembangunan mampan dan menjadi contoh kepada kampung Orang Asli yang lain. Sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi pelaksanaan projek rintis di Kampung Orang Asli Puting, Segamat.

## **STRATEGI 4 : MENGERATKAN PERPADUAN BANGSA JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

130. Strategi keempat ialah **MENGERATKAN PERPADUAN BANGSA JOHOR**. Kerajaan Negeri telah merencana **7 inisiatif** di bawah strategi ini.

### **INISIATIF 1 : DUTA PERPADUAN JOHOR (DPJ)**

131. Inisiatif pertama ialah, **DUTA PERPADUAN JOHOR (DPJ)**. Kerajaan Negeri percaya Duta Perpaduan Johor (DPJ) adalah antara inisiatif perpaduan yang penting dan mampu mengukuhkan nilai perpaduan sesama masyarakat pelbagai kaum. Peruntukan sebanyak **RM 500 ribu** akan disediakan agar program ini dapat memupuk dan menerapkan nilai perpaduan terhadap perbezaan agama, bangsa dan budaya dalam kalangan generasi muda.

### **INISIATIF 2 : KARNIVAL BANGSA JOHOR**

132. Inisiatif kedua pula ialah **KARNIVAL BANGSA JOHOR**. Kerajaan Negeri juga optimis untuk menganjurkan Karnival Bangsa Johor yang bermatlamat untuk meningkatkan lagi ukhuwah dalam kalangan Bangsa Johor. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 200 ribu** bagi penganjuran karnival tersebut.

### **INISIATIF 3 : PENUBUHAN JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT PELBAGAI AGAMA**

133. Inisiatif ketiga pula ialah **PENUBUHAN JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT PELBAGAI AGAMA**. Menyedari kepentingan untuk mengekalkan perpaduan di Johor, maka Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan untuk mewujudkan **Jawatankuasa Keharmonian Antara Pelbagai Agama Negeri Johor** dengan peruntukan sebanyak **RM 50 ribu**. Jawatankuasa ini akan menjadi platform perbincangan dan melaksanakan program yang bertujuan untuk mengharmonikan perpaduan Bangsa Johor.

#### **INISIATIF 4 : MEMBEKALKAN PERALATAN BARU KEPADA SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) AKTIF**

134. Inisiatif keempat ialah, **MEMBEKALKAN PERALATAN BARU KEPADA SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) AKTIF**. Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 180 ribu** bagi pembekalan peralatan baru kepada **90 SRS** yang bertujuan meningkatkan operasi secara bersepadu dalam komuniti di hotspot yang kerap berlaku jenayah. Sebagai tambahan, **RM 50 ribu** diperuntukkan bagi meningkatkan kebolehpayaan ahli SRS dalam usaha menangani jenayah dan bencana dalam kawasan kejiranan.

#### **INISIATIF 5 : PROGRAM-PROGRAM SILANG BUDAYA BANGSA JOHOR**

135. Inisiatif kelima di bawah teras ini ialah **PROGRAM-PROGRAM SILANG BUDAYA BANGSA JOHOR**. Negeri Johor kaya dengan kepelbagaian tradisi yang perlu ditonjolkan. Sehubungan itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor serta Majlis Kebudayaan Negeri Johor akan diperuntukkan **RM 350 ribu** untuk menganjurkan aktiviti pertandingan silang budaya dan pertandingan video pendek perpaduan Bangsa Johor.

#### **INISIATIF 6 : PROJEK AKUAGRO RUKUN TETANGGA**

136. Inisiatif keenam ialah **PROJEK AKUAGRO RUKUN TETANGGA**. Usaha mengeratkan perpaduan dalam kalangan komuniti diteruskan dengan mengenal pasti Rukun Tetangga yang berpotensi untuk melaksanakan projek akuagro. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 230 ribu** bagi tujuan tersebut.

#### **INISIATIF 7 : KEROHANIAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TIONG HUA, INDIA DAN LAIN-LAIN**

137. Inisiatif terakhir di dalam teras ini pula ialah **KEROHANIAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TIONG HUA, INDIA DAN LAIN-LAIN**. Demi kesejahteraan dan permuafakatan Bangsa Johor, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan **RM 12 juta** untuk tujuan pembangunan kerohanian serta kebajikan masyarakat Tiong Hua, India dan lain-lain.

#### **TERAS KEEMPAT : KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

Jika Hendak Menyusun Tujuan,  
Bawa Hasrat Jadi Penyeri,  
Titik Sentuhan Kemudahan dan Keperluan,  
Teguhkan Aspirasi Bangunkan Negeri.

138. Teras Keempat ialah **KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS**. Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur dan akses kemudahan asas seperti jalan, pengangkutan, komunikasi, bekalan air bersih serta bekalan elektrik. Justeru, bagi tujuan memperkasa kemudahan dan keperluan asas, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **4 strategi dan 13 inisiatif**.

#### **STRATEGI 1 : PENYELENGGARAAN DAN NAIK TARAF INFRASTRUKTUR AWAM**

139. Strategi pertama dalam Teras Kemudahan dan Keperluan Asas ialah **PENYELENGGARAAN DAN NAIK TARAF INFRASTRUKTUR AWAM**. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah baik infrastruktur awam meliputi jalan raya, lampu jalan serta dewan serbaguna.

#### **INISIATIF 1 : MEMBINA, MENAIK TARAF DAN MENYELENGGARA KEMUDAHAN JALAN DAN JAMBATAN**

140. Inisiatif pertama dalam strategi ini ialah **MEMBINA, MENAIK TARAF DAN MENYELENGGARA KEMUDAHAN JALAN DAN JAMBATAN**. Oleh itu, projek yang akan dilaksanakan adalah sebagaimana berikut :

**Pertama : RM 87.6 juta** untuk membina dan menaik taraf jalan negeri, jalan kampung dan jambatan di seluruh negeri. Antaranya termasuklah menaik taraf jalan dan Jambatan Sungai Mati ke Sawah Ring di Tangkak dan membina jalan pintas dari Jorak ke Paya Panjang di Daerah Muar;

**Kedua : RM 691.45 juta** daripada peruntukan MARRIS dan peruntukan langsung daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan digunakan bagi menyelenggara jalan, sistem perparitan, lampu dan perabot jalan.

#### **INISIATIF 2 : MENAIK TARAF KEMUDAHAN LAMPU JALAN**

141. Inisiatif kedua ialah **MENAIK TARAF KEMUDAHAN LAMPU JALAN**. Kerajaan Negeri juga terus komited dalam melaksanakan kerja-kerja menaik taraf kemudahan lampu jalan dengan peruntukan sebanyak **RM 19.9 juta** bagi mengurangkan risiko kemalangan melalui projek - projek berikut:

- Pertama** : Menaik taraf lampu jalan di Jalan Tampoi, Jalan Tebrau-Pandan, Lebuhraya Pesisiran Pantai (Permas Jaya) dengan peruntukan sebanyak **RM 12 juta** oleh MBBJ;
- Kedua** : Pemasangan dan penyelenggaraan lampu isyarat dan lampu jalan di pentadbiran MBIP dengan peruntukan berjumlah **RM 4.4 juta**;
- Ketiga** : Pemasangan lampu jalan, lampu persimpangan dan lampu amber dengan penggunaan teknologi hijau yang merangkumi 21 km jalan-jalan negeri dengan kos sebanyak **RM 3.5 juta** oleh JKR.

### **INISIATIF 3 : MEMBINA INFRASTRUKTUR AWAM DAN KOMPLEKS GERAJ PERNIAGAAN**

142. Inisiatif ketiga ialah **MEMBINA INFRASTRUKTUR AWAM DAN KOMPLEKS GERAJ PERNIAGAAN**. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan infrastruktur awam seperti dewan serbaguna, perpustakaan awam, kompleks gerai perniagaan dan kemudahan awam lain berada dalam keadaan baik dan memenuhi keperluan masyarakat setempat. Justeru itu, sejumlah **RM 29.8 juta** diperuntukkan bagi projek-projek seperti berikut:

- Pertama** : Membaik pulih bangunan anjung selera, kompleks gerai perniagaan dan dewan masyarakat di kawasan pentadbiran MBBJ dengan peruntukan sebanyak **RM 11.4 juta**;
- Kedua** : Menyenggara dan membaik pulih Kompleks Penghulu, balai raya, dewan raya dan infrastruktur luar bandar dengan peruntukan **RM 9.2 juta** oleh Pejabat - Pejabat Daerah;
- Ketiga** : Menaik taraf Stadium Perbandaran Pasir Gudang dan membina Dataran Mahkota Pasir Gudang dengan kos berjumlah **RM 6 juta** oleh MBPG;
- Keempat** : Membina Dewan Serbaguna Taman Tan Sri Yaacob dan gerai baharu di Jalan Pekaka, Taman Perling dengan kos **RM 2.9 juta** oleh MBIP;
- Kelima** : Menaik taraf Perpustakaan Daerah Kota Tinggi serta menjalankan program-program bagi menarik minat orang ramai untuk menggunakan kemudahan tersebut dengan peruntukan sebanyak **RM 300 ribu**.

#### **INISIATIF 4 : PENYELENGGARAAN SEKOLAH AGAMA, MASJID DAN SURAU SERTA TANAH PERKUBURAN ISLAM**

143. Inisiatif keempat pula ialah **PENYELENGGARAAN SEKOLAH AGAMA, MASJID DAN SURAU SERTA TANAH PERKUBURAN ISLAM**. Sekolah Agama Kerajaan Johor merupakan sistem pendidikan agama yang unggul di Malaysia. Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor memperuntukkan sejumlah **RM 9.4 juta** bagi penyelenggaraan dan baik pulih bangunan serta peralatan dan perabot sekolah-sekolah agama di seluruh Negeri Johor.
144. Seterusnya bagi memastikan umat Islam di negeri ini dapat mengimarahkan masjid dan surau dalam keadaan yang selesa dan kondusif, sejumlah **RM 2.7 juta** diperuntukkan bagi tujuan baik pulih dan penyelenggaraan masjid serta surau.
145. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sebanyak **RM 2.3 juta** bagi pembangunan dan penyelenggaraan tanah perkuburan Islam di Negeri Johor.

#### **STRATEGI 2 : PENGANGKUTAN AWAM JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

146. Strategi kedua ialah **PENGANGKUTAN AWAM JOHOR**. Pengangkutan adalah nadi perhubungan bagi masyarakat di negeri ini. Sistem pengangkutan awam yang cekap dan sistematik amat penting bagi memudahkan pergerakan serta akses dan kelancaran logistik kepada rakyat dan pelabur.

#### **INISIATIF 1 : MELANCARKAN PERGERAKAN LALUAN SEMPADAN JOHOR BAHRU - SINGAPURA**

147. Inisiatif pertama, **MELANCARKAN PERGERAKAN LALUAN SEMPADAN JOHOR BAHRU - SINGAPURA**. Tambak Johor merupakan antara laluan sempadan antarabangsa paling sibuk di dunia. Sejak pembukaan sempadan Johor Bahru - Singapura, purata harian keluar masuk di CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) adalah sebanyak **211 ribu** orang sehari.
148. Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah penggabungan kaunter Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) - PLUS - JPJ di laluan kereta masuk ke Bangunan Sultan Iskandar (BSI) serta membuat reka bentuk semula laluan motosikal, laluan kereta dan laluan pintu keluar masuk BSI.

149. Penambahan bilangan e-gate (pejalan kaki) untuk warganegara Malaysia daripada **14 kepada 32 unit** bagi laluan masuk serta daripada **14 kepada 26 unit** bagi laluan keluar.
150. JIM juga akan memperluas penggunaan e-gate ini kepada warga asing. Usaha ini mampu mengurangkan kesesakan yang berlaku di BSI.
151. Selain itu, kerajaan sedang mengkaji kesesuaian untuk membenarkan kenderaan ringan menggunakan laluan lori sebagai laluan alternatif semasa waktu puncak. Ini akan melibatkan pengubahsuaian kaunter untuk kemudahan pemandu kereta.

#### **INISIATIF 2 : PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN BAS MUAFAKAT JOHOR DAN NAIK TARAF TERMINAL LARKIN SENTRAL**

152. Inisiatif kedua, **PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN BAS MUAFAKAT JOHOR DAN NAIK TARAF TERMINAL LARKIN SENTRAL**. Kerajaan Negeri prihatin dengan keadaan parkir yang terhad di Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA). Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 550 ribu** bagi perkhidmatan *shuttle bus* secara percuma kepada pesakit, kakitangan dan pelawat HSA dan HSI. Pengguna bas yang ingin ke HSA boleh menaiki bas dari Terminal Larkin manakala pengguna bas yang ingin ke HSI boleh menaiki bas dari Lotus Supermarket Tebrau.
153. Perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BMJ) juga akan diteruskan bagi mengurangkan kesesakan jalan raya dan kebergantungan kepada kenderaan persendirian. Bagi tahun 2023, **RM 28.7 juta** diperuntukkan bagi pelaksanaan BMJ di **72 laluan**. Kerajaan Negeri juga akan membuat penilaian semula laluan sedia ada dan mencadangkan laluan yang berkapasiti tinggi agar kemudahan ini digunakan oleh rakyat secara maksimum.
154. Selanjutnya, Perkhidmatan Bas Muafakat Johor juga akan dipanjangkan kepada pelancong asing. Oleh itu, sejumlah **RM 50 ribu** diperuntukkan bagi menaik taraf sistem sedia ada di laluan Bandaraya Johor Bahru, Pengerang, Muar dan Pontian.
155. Selain itu, Johor Corporation akan menaik taraf Terminal Larkin Sentral meliputi kemudahan parkir bertingkat dan ruang menunggu bas henti-henti dengan kos **RM 8 juta**.

#### **INISIATIF 3 : PENYURAIAN TRAFIK RTS LINK**

156. Inisiatif ketiga pula ialah **PENYURAIAN TRAFIK RTS LINK**. Projek *Rapid Transit System* (RTS) Link antara Johor Bahru dan Singapura dijangka siap pada tahun 2026. Dengan anggaran kapasiti pengguna RTS berjumlah **150 ribu** orang sehari, pergerakan kenderaan keluar masuk ke kawasan stesen RTS akan menjadi kritikal. Oleh itu, Pihak

Berkuasa Wilayah Iskandar (IRDA) akan melaksanakan projek Penambahbaikan Persimpangan Bertingkat Lebuhraya EDL - Jalan Lingkaran Dalam dan Jalan Tebrau dengan peruntukan berjumlah **RM 371 juta**.

157. Seterusnya, bagi memastikan projek *Rapid Transit System* (RTS), Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru dan *Iskandar Rapid Transit* (IRT) siap mengikut jadual, Jawatankuasa *Task Force* Projek Pengangkutan Awam Berimpak Tinggi Negeri Johor telah dibentuk. Jawatankuasa ini akan menyelaras isu – isu berbangkit untuk diselesaikan dengan segera.

### **STRATEGI 3 : INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR, ELEKTRIK DAN TELEKOMUNIKASI**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

158. Strategi ketiga dalam Teras Kemudahan dan Keperluan Asas ialah **INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR, ELEKTRIK DAN TELEKOMUNIKASI**. Akses dan ketersambungan rakyat dan pelabur kepada sistem bekalan utiliti ini adalah menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah :

#### **INISIATIF 1 : PEMELIHARAAN SUMBER AIR DAN BEKALAN AIR**

159. Inisiatif pertama, **PEMELIHARAAN SUMBER AIR DAN BEKALAN AIR**. Pengurusan air di Negeri Johor melibatkan sinergi beberapa agensi berkepentingan seperti Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) dalam pembangunan sumber air mentah dan Ranhill SAJ Sdn Bhd (RSAJ) sebagai operator bekalan air negeri serta penglibatan Syarikat Air Johor Sdn Bhd (SAJSB) dan Johor Special Water (JSW), anak syarikat Permodalan Darul Ta'zim (PDT) dalam mengurus aset-aset air milik Kerajaan Negeri serta bekalan air industri sedia ada.
160. Bagi menjamin bekalan air yang berterusan kepada rakyat, sejumlah **RM 1.3 juta** diperuntukkan kepada BAKAJ bagi memastikan sumber air mencukupi dan kualiti air mentah terpelihara. Kerja-kerja pemantauan kualiti air secara berkala menggunakan teknologi geospasial dan pemantauan atas talian akan diteruskan di Stesen Telemetry di sungai-sungai seperti Sungai Sayong, Sungai Semangar, Sungai Johor, Sungai Skudai, Sungai Benut dan Sungai Muar.
161. Seterusnya, bagi mengurangkan kadar kehilangan air akibat kebocoran dan kerosakan paip agihan atau *Non-Revenue Water* (NRW), Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) memperuntukkan sebanyak **RM 280 juta** kepada Ranhill SAJ bagi **Menggantikan Paip Sepanjang 234 km** pada tahun 2023. Penggantian paip lama ini akan mengurangkan

bilangan kebocoran air, di samping dapat mempertingkatkan tekanan air dalam sistem paip pengagihan tersebut.

#### **INISIATIF 2: JAMINAN BEKALAN ELEKTRIK YANG STABIL**

162. Inisiatif kedua, **JAMINAN BEKALAN ELEKTRIK YANG STABIL**. Bagi mengurangkan masalah gangguan dan mempercepat tempoh pemulihan gangguan bekalan elektrik, TNB Johor memperuntukkan sebanyak **RM 58 juta** bagi projek rehabilitasi sistem bekalan elektrik di Tampoi, Kulai, Mersing dan Pasir Gudang.
163. Di samping itu, TNB melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) menyediakan peruntukan berjumlah **RM 550 ribu** bagi memberikan rebat bil elektrik RM40 sebulan kepada **1,040 miskin tegar**. TNB juga turut melaksanakan Program Pencahayaan Luar Bandar yang melibatkan lapan lokaliti luar bandar termasuk Felda Ulu Tebrau di Johor Bahru, Kampung Sungai Lurus Darat di Batu Pahat dan Parit Amal di Pontian.

#### **INISIATIF 3 : JARINGAN INTERNET DAN TELEKOMUNIKASI**

164. Inisiatif ketiga dalam strategi ini ialah **JARINGAN INTERNET DAN TELEKOMUNIKASI**. Untuk meningkatkan liputan jalur mudah alih (4G) di kawasan berpenduduk, Kerajaan Negeri mengalu-alukan komitmen Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi meneruskan pelaksanaan Fasa 2 **Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)**. Ini meliputi kerja-kerja seperti pembinaan menara telekomunikasi, menaik taraf stesen pemancar 4G sedia ada, penyediaan sambungan gentian optik dan kemudahan jalur lebar tanpa wayar.

#### **STRATEGI 4 : MENINGKATKAN TAHAP KESIHATAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

165. Strategi keempat ialah **MENINGKATKAN TAHAP KESIHATAN**. Akses dan kemudahan fasiliti kesihatan antara agenda penting yang diberi keutamaan dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025. Kerajaan berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, terutamanya dalam situasi pasca pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan terus memperkasa sistem kesihatan di Johor.

#### **INISIATIF 1 : PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**



166. Inisiatif pertama dalam strategi ini ialah **PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**. Kerajaan Negeri telah menubuhkan jawatankuasa yang berperanan untuk memantau semua fasiliti kesihatan sedia ada agar kemudahan-kemudahan kesihatan dalam negeri ini berada dalam keadaan yang baik dan kondusif. Jawatankuasa ini juga akan merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program kesihatan dengan menggalakkan kerjasama daripada pihak swasta melalui “Public-Private Partnership Program”.

#### **INISIATIF 2 : PROGRAM JOHOR BEBAS DENGGI**

167. Inisiatif kedua, **PROGRAM JOHOR BEBAS DENGGI**. Peningkatan kes denggi dapat dihindari jika kawasan persekitaran rapi dan bersih. Persekitaran yang kotor dengan air bertakung serta sikap tidak peduli komuniti setempat terhadap kebersihan sekitar menjadi faktor utama pembiakan nyamuk aedes meningkat. Justeru, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM200 ribu** bagi melaksanakan Program Johor Bebas Denggi.

#### **INISIATIF 3 : BANGSA JOHOR BEBAS DADAH**

168. Inisiatif ketiga pula ialah **BANGSA JOHOR BEBAS DADAH**. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sejumlah **RM 100 ribu** untuk pelaksanaan pelbagai program seperti Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR), Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHEILD), Program *Tomorrow Leader* dan Program Bebas Asap Rokok. Program ini mampu mendidik golongan anak muda untuk menjauhi wabak dadah dan tabiat merokok. Selain itu **RM 100 ribu** juga diperuntukkan untuk menggerakkan gelombang sukarelawan skuad AADK dengan kerjasama pemimpin komuniti bagi memberikan pendidikan pencegahan dan kesedaran awam mengenai bahaya dadah.

#### **TERAS KELIMA : KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

Cerdik Bangsa Penuh Santunan,  
Suri Teladan Dalang Gantian,  
Teras Kelima Jadikan Cerminan,  
Demi Keselamatan & Kelestarian.

169. Teras kelima ialah **KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR**. Menerusi teras kelima ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan keselamatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar di negeri ini sentiasa

terpelihara demi keselesaan dan kesejahteraan hidup Bangsa Johor. **3 strategi dan 8 inisiatif** telah dirangka bagi memastikan matlamat tersebut dilaksanakan.

### **STRATEGI 1 : MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG SELAMAT, BERSIH, INDAH DAN CERIA**

170. Strategi pertama ialah **MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG SELAMAT, BERSIH, INDAH DAN CERIA**. Persekitaran yang lestari adalah sebahagian daripada ciri masyarakat yang maju dan bertamadun. Maka, beberapa inisiatif dirancang bagi mencapai hasrat tersebut sebagaimana berikut:

#### **INISIATIF 1 : PEMASANGAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV)**

171. Inisiatif pertama, **PEMASANGAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV)**. Negeri Johor komited untuk menjadi destinasi pelancongan utama di negara ini. Sehubungan itu, beberapa lokasi pelancongan yang selamat akan dipantau menerusi Projek Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan penambahbaikan sistem pencahayaan bagi memperkasa Agenda Greater JB. Justeru itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menyediakan peruntukan berjumlah **RM 5.25 juta** bagi projek pemasangan CCTV berteknologi *Artificial Intelligence* (AI) di kawasan *hotspot* jenayah dan kawasan tumpuan pelancong.

#### **INISIATIF 2 : PENGINDAHAN BANDAR**

172. Inisiatif kedua pula ialah **PENGINDAHAN BANDAR**. Kebersihan dan kelestarian alam sekitar adalah sebahagian daripada Agenda Maju Johor. Justeru itu, kerja-kerja pengindahan landskap bagi menceriakan bandar dan tempat pelancongan amat diperlukan. Sebanyak **RM 35 juta** diperuntukkan bagi inisiatif ini. Sehubungan dengan itu, antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

**Pertama** : **RM 2.5 juta** diperuntukkan untuk kerja-kerja landskap dan pembinaan seni arca di Iskandar Puteri;

**Kedua** : **RM 2.5 juta** diperuntukkan bagi kerja-kerja pengindahan di Kampung Sungai Melayu;

**Ketiga** : **RM 3.5 juta** bagi pengindahan Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Pesisir Pantai (fasa 2) Johor Bahru;

**Keempat** : **RM 11 juta** bagi melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf, penyelenggaraan, pembersihan dan penjagaan landskap bagi taman kanak-kanak dan rekreasi di kawasan pentadbiran MBB;

- Kelima** : **RM 6.5 juta** untuk menaiktaraf kemudahan asas di sekitar kawasan pentadbiran MBBB. Ia meliputi kerja-kerja naik taraf tapak perkhemahan hutan bandar, kemudahan di Dataran Danga Bay, alatan permainan, alatan senaman, laluan basikal dan pejalan kaki;
- Keenam** : **RM 9 juta** bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di sekitar persisiran jalan di kawasan pentadbiran MBBB.

### **INISIATIF 3 : KESEJAHTERAAN LUAR BANDAR**

173. Inisiatif ketiga ini ialah **KESEJAHTERAAN LUAR BANDAR**. Bagi kawasan luar bandar yang berada di luar kawasan PBT, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 1 juta** bagi pengurusan sisa pepejal bertujuan mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar sekaligus meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup penduduk di luar bandar termasuk Kampung Orang Asli.

### **INISIATIF 4 : PROGRAM SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGERI JOHOR**

174. Inisiatif terakhir dalam strategi ini ialah **PROGRAM SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGERI JOHOR**. Bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap amalan kebersihan dan memupuk minat terhadap landskap, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM 400 ribu** bagi Program Sambutan Hari Landskap Negeri Johor. Program tahunan ini akan menggalakkan pertukaran idea bagi seni rekabentuk terkini pembangunan landskap serta meningkatkan pengetahuan dan kesedaran awam tentang pentingnya mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa dan selamat.

### **STRATEGI 2 : PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

175. Strategi kedua dalam Teras Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar ialah **PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI**. Justeru itu beberapa inisiatif dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk melestarikan sungai-sungai di Negeri Johor.

### **INISIATIF 1 : PROGRAM PEMULIHARAAN SUNGAI**

176. Inisiatif pertama, **PROGRAM PEMULIHARAAN SUNGAI**. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam memelihara dan memulihara sungai-sungai agar berada dalam keadaan yang bersih. Untuk tujuan tersebut, sebanyak **RM 1.8 juta** diperuntukkan bagi kerja-kerja pemuliharaan Sungai Skudai dan Sungai Tebrau, projek Denai Sungai dan pelaksanaan Program 1 Daerah 1 Sungai.

177. Pada tahun 2019, Sungai Kim Kim telah mengalami pencemaran yang kritikal. Justeru itu, peruntukan sebanyak **RM 300 ribu** disediakan bagi meneruskan usaha-usaha **Pemuliharaan Sungai Kim-Kim** agar ianya terus lestari dan mengelakkan insiden pencemaran ini berulang kembali.

#### **INISIATIF 2 : PENYELENGGARAAN SUNGAI DAN SALIRAN**

178. Inisiatif kedua, **PENYELENGGARAAN SUNGAI DAN SALIRAN**. Saban tahun, banjir telah menyebabkan kerosakan harta benda dan mengancam keselamatan orang awam. Berdasarkan semakan data terkini daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), terdapat 432 *hotspot* banjir yang telah dikenal pasti di seluruh Negeri Johor.
179. Sehubungan dengan itu, sebanyak **RM 71 juta** peruntukan melalui **Jabatan Pengairan dan Saliran** serta **Pihak Berkuasa Tempatan** disediakan bagi tujuan pengurusan banjir dan saliran yang meliputi kerja-kerja penggalian dan mendalamkan sungai, membina rumah pam air, pembersihan kolam takungan banjir dan sistem amaran awalan banjir.
180. Seterusnya, sebanyak **RM 42 juta** diperuntukkan kepada JPS bagi kerja-kerja penyelenggaraan parit dan saliran.
181. Di samping itu, **RM 700 ribu** akan diperuntukkan bagi membeli pam bergerak untuk memudahkan operasi mengepam air banjir terutama di beberapa kawasan rendah yang sering dilanda banjir.

#### **STRATEGI 3 : MEMPERKASA JOHOR LESTARI**

182. Strategi ketiga dalam teras ini ialah **MEMPERKASA JOHOR LESTARI**. Usaha memperkasa kelestarian alam sekitar akan terus ditingkatkan bagi merealisasikan wawasan pembangunan yang seimbang. Justeru itu, strategi pembangunan lestari Johor dijalankan melalui **2 inisiatif** berikut.

##### **INISIATIF 1 : PEMELIHARAAN KAWASAN DAN SUMBER HUTAN**

183. Inisiatif pertama ialah **PEMELIHARAAN KAWASAN DAN SUMBER HUTAN**. Pengurusan dan pemeliharaan sumber hutan akan terus diperkasakan melalui **kerja-kerja penandaan dan penyelenggaraan sempadan hutan** dengan peruntukan sebanyak **RM 1.15 juta**.
184. Seterusnya, Kerajaan Negeri juga komited dalam memastikan perlindungan hidupan liar serta memastikan kawasan biodiversiti dipelihara. Untuk tujuan tersebut sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan bagi **kerja-kerja menaiktaraf kawasan *Panti Conservation Area***

untuk tujuan konservasi, penyelidikan, pendidikan, ekopelancongan dan penglibatan komuniti.

185. Bagi menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri, **RM 600 ribu** diperuntukkan bagi tahun 2023 untuk meneruskan **Kempen Penanaman 100 juta pokok** dalam tempoh 5 tahun bermula tahun 2021 hingga 2025 di bawah program penghijauan Malaysia.

#### **INISIATIF 2 : AGENDA RENDAH KARBON**

186. Inisiatif kedua ialah **AGENDA RENDAH KARBON**. Dalam mendepani krisis perubahan iklim, Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon telah dihasilkan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Pelan ini mensasarkan pengurangan 70 peratus pelepasan intensiti karbon menjelang 2030 di kawasan Iskandar Malaysia.
187. Kerajaan Negeri percaya agenda ini sememangnya memerlukan penglibatan dan sokongan penuh khususnya masyarakat setempat. Melalui **Program Geran Komuniti Iskandar Puteri Rendah Karbon** yang telah dilaksanakan sejak 2021 ianya telah memanfaatkan 45 projek setempat. Justeru itu, MBIP akan meneruskan program ini dengan peruntukan sebanyak **RM500 ribu** pada tahun 2023.
188. Bagi menyokong inisiatif ini juga, penggunaan kenderaan elektrik (EV) dalam bandar raya akan digalakkan dengan memperbanyakkan fasiliti stesen pengecas bagi kenderaan elektrik khususnya di kawasan Greater JB.
189. Melalui Kajian Pelan Induk Pembangunan Hijau Negeri Johor di bawah Program *United Kingdom Partnering for Accelerated Climate Transitions*, Kerajaan Negeri juga akan mengkaji dan memperhalusi potensi Johor di dalam industri pasaran karbon.

#### **TERAS KEENAM : ORANG MUDA JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

Keris Lama Bersadur Gangsa,  
Hulu Berukir Kayu Campuran,  
Orang Muda Johor Tunjang Bangsa,  
Bingkas Bertekad Demi Kemakmuran.

190. Teras keenam dan terakhir ialah teras Orang Muda Johor. Di bawah Agenda Maju Johor, perhatian serius sentiasa diberikan kepada pembangunan belia atau Orang Muda Johor yang dinaungi oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor. Dalam memastikan masa depan generasi muda ini terus gemilang, **5 strategi dan 28 inisiatif** telah dirangka

agar pembangunan generasi ini dapat sentiasa memberi nilai tambah kepada kemajuan dan kejayaan Negeri Johor.

## **STRATEGI 1 : KEPIMPINAN BELIA JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

191. Strategi pertama ialah **KEPIMPINAN BELIA JOHOR**. Sebagai usaha untuk melahirkan pemimpin muda yang karakternya dalam acuan cara Johor, beberapa inisiatif akan dilaksanakan.

### **INISIATIF 1 : MEDINI LEADERSHIP**

192. Pertama, **MEDINI LEADERSHIP**. Institut Dato' Onn (IDO) akan diberikan peranan baharu dan berfungsi dalam melaksanakan dan menjalankan sekolah kepimpinan untuk Orang Muda Johor iaitu tempat latihan yang secukupnya bagi melahirkan pemimpin bertaraf global dengan cara Johor. Tidak cukup dengan pelaksanaan sekolah kepimpinan sahaja, ianya harus selari dengan **Modul Kepimpinan (Medini Leadership)** yang bakal IDO keluarkan tidak lama lagi. Pengisian modul kepimpinan terdiri daripada modul polisi, komunikasi berkesan, dan sosialisasi. Kerajaan akan melaksanakan modul kepimpinan khas melalui kursus ini dengan peruntukan sebanyak **RM 1 juta** untuk menggilap bakat kepimpinan Orang Muda Johor selama lima ke enam bulan. Seterusnya 10 hingga 20 orang akan dipilih untuk menerima tajaan kursus jangka pendek di universiti terkemuka luar negara selama satu hingga dua minggu.

### **INISIATIF 2 : HIKMAH JOHOR - INTERNATIONAL YOUTH CONFERENCE**

193. Inisiatif kedua, **HIKMAH JOHOR - INTERNATIONAL YOUTH CONFERENCE**. Bagi menggalakkan perkongsian aspirasi kepimpinan dalam pelbagai bidang dan sektor kepakaran, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM 350 ribu** untuk melaksanakan inisiatif **Hikmah Johor: *International Youth Conference*** untuk menyertai persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin dari dalam dan luar negara.

### **INISIATIF 3 : RUANG NARASI**

194. Inisiatif ketiga, **RUANG NARASI**. Dalam menggilap bakat Orang Muda Johor yang mampu mencetuskan idea dan buah fikiran kepada negeri, sebanyak **RM 100 ribu** akan diperuntukkan untuk inisiatif **Ruang Narasi** yang menjadi platform bagi membangunkan pemikiran kritis, meraikan idea yang kompetitif dan menjadi medan perdebatan untuk mengumpulkan usul daripada orang awam khususnya belia tentang isu semasa Negeri Johor.

#### **INISIATIF 4 : PROGRAM DUTA MAHASISWA JOHOR**

195. Inisiatif keempat pula ialah **PROGRAM DUTA MAHASISWA JOHOR**. Kerajaan Negeri menyedari bahawa mahasiswa Johor bukan sahaja perlu cemerlang dari segi akademik malah mereka juga amat digalakkan untuk menyumbang bakti kepada masyarakat melalui keusahawanan sosial. Sehubungan itu, inisiatif ini akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM 400 ribu** daripada Yayasan Pelajaran Johor.

#### **INISIATIF 5 : PERSATUAN MAHASISWA IPT ANAK JOHOR**

196. Inisiatif kelima dalam strategi ini ialah **PERSATUAN MAHASISWA IPT ANAK JOHOR**. Sebagai usaha menyokong kegiatan mahasiswa bepersatuan untuk melahirkan mahasiswa yang berketerampilan dan berkepimpinan tinggi, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian bantuan berbentuk insentif kepada **Persatuan Mahasiswa IPT Anak Johor** dengan peruntukan sejumlah **RM 700 ribu** yang memanfaatkan 27 buah Persatuan Mahasiswa Anak Johor di IPT seluruh tanah air, Mesir dan Jordan.

#### **INISIATIF 6 : DEWAN MUDA JOHOR (DMJ)**

197. Inisiatif keenam dalam Strategi Kepimpinan Belia Johor ialah **DEWAN MUDA JOHOR (DMJ)**. Bagi memperkasa peranan Orang Muda Johor sebagai pasukan pemikir anak-anak muda, menyediakan medium demokratik yang bersifat tersusun dalam menyalurkan kritikan, saranan serta ikhtiar semak dan imbang dalam pentadbiran Negeri Johor dan Malaysia, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan **RM 200 ribu** untuk meneruskan inisiatif kepimpinan **Dewan Muda Johor (DMJ)** oleh Institut Dato' Onn.

#### **INISIATIF 7 : JOHOR YOUNG CEO TALENT**

198. Inisiatif ketujuh, **JOHOR YOUNG CEO TALENT**. Orang Muda Johor digalakkan membina jaringan (networking) yang boleh memperkukuhkan peranan mereka dalam bidang kepakaran masing-masing. Justeru, **RM 100 ribu** akan diperuntukkan bagi **Program Johor Young CEO Talent** untuk profesional muda Johor. Inisiatif ini mendedahkan para peserta tentang kepentingan menguasai pemikiran kritis dan pelbagai kemahiran lain untuk menghasilkan CEO muda dalam kalangan Orang Muda Johor.

#### **STRATEGI 2: SUKAN DAN REKREASI**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

199. Strategi kedua dalam Teras Orang Muda Johor ialah **SUKAN DAN REKREASI**. Kerajaan Negeri mahu memastikan agenda untuk menghasilkan atlet-atlet bertaraf antarabangsa dari kalangan Orang Muda Johor. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif akan

dilaksanakan bagi mengekalkan penanda aras baharu di dalam memperkasakan atlet-atlet tempatan.

#### **INISIATIF 1 : PEMBANGUNAN TUNKU MAHKOTA ISMAIL YOUTH CENTRE (TMIYC) ISKANDAR PUTERI**

200. Inisiatif pertama dalam Strategi Sukan dan Rekreasi ialah **PEMBANGUNAN TUNKU MAHKOTA ISMAIL YOUTH CENTRE (TMIYC) ISKANDAR PUTERI**. TMIYC Iskandar Puteri dengan keluasan tapak 27 ekar yang akan dibangunkan oleh IRDA dengan kos **RM 37 juta** ini akan menjadi hab aktiviti belia terutamanya dalam aspek seni dan budaya, kesukarelawanan, sukan dan keusahawanan. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada Januari 2023 dan akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2024.

#### **INISIATIF 2 : PROGRAM GRIT 2030**

201. Inisiatif kedua dalam strategi ini ialah **PROGRAM GRIT 2030**. Ia adalah program yang menjadikan Negeri Johor sebuah *Sports Powerhouse* menjelang tahun 2030. Pelaksanaan program GRIT meliputi pelan pembangunan jangka panjang kemenjadian atlet yang digubal bagi empat sukan teras melibatkan *Long Term Coaching Development* (LTCD) dan *Long Term Athletic Development* (LTAD) yang mempunyai banyak penawaran acara di peringkat tertinggi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 5 juta** kepada Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) untuk meneruskan inisiatif ini.

#### **INISIATIF 3 : PEMERKASAAN PERSATUAN SUKAN**

202. Inisiatif ketiga ialah **PEMERKASAAN PERSATUAN SUKAN**. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM 1 juta** kepada MSNJ bagi melaksanakan penggredan persatuan-persatuan sukan di Johor untuk **memperkasa persatuan sukan** dari aspek pentadbiran, pembangunan atlet, keaktifan dan penyertaan dalam temasya di peringkat tertinggi.

#### **INISIATIF 4 : PROGRAM GOLD JOHOR**

203. Inisiatif keempat ialah **PROGRAM GOLD JOHOR**. Kerajaan Negeri juga memberi penekanan kepada usaha melahirkan atlet pelapis Negeri Johor yang kompetitif dan bersedia untuk membawa cabaran sukan di peringkat tertinggi. Sehubungan dengan itu, peruntukan sebanyak **RM 2.3 juta** disalurkan kepada MSNJ bagi pelaksanaan inisiatif ini.



## **INISIATIF 5 : MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DAN FASILITI SUKAN**

204. Inisiatif kelima pula ialah **MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DAN FASILITI SUKAN**. Bagi menjadikan Johor sebagai salah satu *hotspot* penggunaan fasiliti sukan kepada atlet dan orang awam, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 1 juta** bagi kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih fasiliti-fasiliti sukan di bawah seliaan Perbadanan Stadium Johor.

## **STRATEGI 3 : PENDIDIKAN ANAK MUDA**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

205. Strategi ketiga ialah **PENDIDIKAN ANAK MUDA**. Bagi membantu Orang Muda Johor melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, menambah baik ekosistem dan platform pendidikan serta memperkasa warga pendidik, beberapa inisiatif akan dilaksanakan oleh pelbagai agensi.

### **INISIATIF 1 : BANTUAN PENDIDIKAN**

206. Inisiatif pertama dalam strategi ini ialah **BANTUAN PENDIDIKAN**. Kerajaan Negeri akan memastikan bantuan-bantuan daripada pelbagai saluran bantuan pendidikan dapat dinikmati oleh semua pelajar melalui Jawatankuasa Khas Biasiswa dan Bantuan Pendidikan. **Sebanyak RM 16.5 juta** diperuntukkan bagi inisiatif ini. Antara inisiatif bantuan pendidikan yang akan dilaksanakan:

- Pertama** : Melaksanakan **kelas bestari (*smart classroom*)** yang menggalakkan penggunaan teknologi pendidikan terkini di **30 buah sekolah** di Negeri Johor dengan peruntukan **RM 750 ribu** oleh Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor;
- Kedua** : Meneruskan pemberian **Biasiswa Kenangan Dato' Onn** kepada **1,000 orang pelajar** sekolah menengah yang cemerlang dalam kalangan B40 dengan peruntukan sebanyak **RM 650 ribu**;
- Ketiga** : Menyediakan **Skim Pinjaman Pelajaran** kepada pelajar daripada keluarga yang berpendapatan **RM 8 ribu ke bawah** melibatkan sejumlah peruntukan **RM 13 juta** untuk **1,600 orang pelajar**;
- Keempat** : **Skim Bantuan Pendaftaran** juga akan disediakan oleh YPJ kepada **2 ribu pelajar baru** dengan peruntukan sebanyak **RM 1.5 juta**. Inisiatif ini membantu pelajar agar tidak tercicir untuk mendaftar dan meneruskan pengajian di IPT bagi keluarga berpendapatan **RM 4 ribu ke bawah**;

- Kelima** : Permodalan Darul Ta'zim (PDT) juga akan meneruskan inisiatif **Tabung Pendidikan Sarjana PDT** dengan peruntukan **RM 150 ribu** bagi membantu 50 orang pelajar B40 yang kurang berkemampuan dengan insentif sebanyak **RM 3 ribu seorang** secara *one-off*;
- Keenam** : Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) akan meneruskan **DANA DIDIK JOHOR** dengan peruntukan **RM 100 ribu**. Inisiatif ini merupakan pemberian caruman **RM100 bagi setiap kelahiran bayi** di Negeri Johor ke dalam akaun SSPN Prime bagi mereka yang berpendapatan **RM 7 ribu ke bawah**. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada **seramai 1,000 orang bayi** yang lahir pada tahun 2023.

## **INISIATIF 2 : PEMBANGUNAN MURID**

207. Inisiatif kedua pula ialah **PEMBANGUNAN MURID**. Bagi membentuk modal insan, jati diri dan keperibadian murid, sebanyak **RM 2.64 juta** akan diperuntukkan. Antara inisiatif yang akan diperkenalkan adalah seperti berikut:

- Pertama** : Sebanyak **RM 450 ribu** diperuntukkan bagi Program **Johor Next Generation** yang bertujuan memberi peluang kedua untuk mendapatkan sijil SPM dan peluang pekerjaan melalui program latihan yang akan diberikan;
- Kedua** : Sebanyak **RM 300 ribu** diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu meningkatkan kecemerlangan calon-calon SPM 2023 melalui bengkel-bengkel di bawah **Program SPM STAR**;
- Ketiga** : Sebanyak **RM 648 ribu** diperuntukkan bagi membiayai penyertaan murid daripada keluarga B40 dalam **Program Tuisyen SPM YPJ**;
- Keempat** : Sebanyak **RM500 ribu** diperuntukkan bagi **Program Sekolah Aspirasi Johor**. Program ini bertujuan mewujudkan sekolah yang menerapkan identiti Negeri Johor berdasarkan 4 aspek; kepimpinan, kualiti murid, kualiti guru dan persekitaran pembelajaran;
- Kelima** : Sebanyak **RM 50 ribu** akan disalurkan bagi menghargai murid-murid yang cemerlang melalui **Insentif Tokoh Murid** di seluruh Negeri Johor;

- Keenam** : Sebanyak **RM 200 ribu** diperuntukkan untuk melaksanakan inisiatif **Rubrik Naratif Johor** yang menjadi platform pendedahan kepada murid-murid sekolah tingkatan lima dan enam di Johor tentang sejarah dan pencapaian Negeri Johor melalui kerjasama Institut Dato' Onn dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor;
- Ketujuh** : Sebanyak **RM 500 ribu** diperuntukkan bagi **Kem Pembangunan Murid dan Karnival Hal Ehwal Murid** yang melibatkan penyertaan **3,200 orang murid**.

### **INISIATIF 3 : PROGRAM BACAAN LAB (LITERASI ALAF BARU)**

208. Inisiatif ketiga ialah **PROGRAM BACAAN LAB (LITERASI ALAF BARU)**. Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 345 ribu** bagi **Program Bacaan LAB**. Program intensif oleh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dengan kerjasama *Educity* dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor ini dijalankan bagi membantu murid pasca-pandemik yang banyak ketinggalan khususnya dalam kemahiran membaca yang semestinya amat diperlukan apabila sudah memasuki alam persekolahan.

### **INISIATIF 4 : PEMBANGUNAN GURU**

209. Inisiatif keempat pula ialah **PEMBANGUNAN GURU**. Dalam meningkatkan tahap kompetensi dan pembangunan guru-guru di Johor, program ***English Teacher Proficiency*** akan dilaksanakan dengan pembiayaan sebanyak **RM200 ribu** kepada guru-guru Bahasa Inggeris dengan kerjasama antara YPJ, Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan *Educity*.

### **INISIATIF 5 : PROGRAM YOUNGSTERS CODING**

210. Inisiatif seterusnya adalah **PROGRAM YOUNGSTERS CODING**. Bagi terus menyuburkan minat para pelajar terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **RM 400 ribu** untuk menjalankan program ***Youngsters Coding***. Program ini secara tidak langsung dapat mencungkil bakat pelajar dalam bidang pengaturcaraan dan robotik dengan penyediaan platform di sekolah-sekolah terpilih.

### **INISIATIF 6 : PROGRAM YOUNG DRONEGINEERS**

211. Inisiatif keenam dalam Strategi Pendidikan Orang Muda ialah **PROGRAM YOUNG DRONEGINEERS**. Melihat kepada *emerging industry* yang memerlukan keupayaan mengawal dron, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **RM 400 ribu**

bagi memberikan pendedahan kepada pelajar sekolah menengah untuk mempelajari asas dron.

#### **INISIATIF 7 : MENAIKTARAF KOLEJ PENDIDIKAN YAYASAN PELAJARAN JOHOR (KPYPJ)**

212. Inisiatif ketujuh dalam strategi ini ialah **MENAIKTARAF KOLEJ PENDIDIKAN YAYASAN PELAJARAN JOHOR (KPYPJ)**. Kerajaan Negeri meletakkan sasaran untuk menaiktaraf Kolej Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (KPYPJ) kepada berstatus **Kolej Universiti menjelang 2027**. Justeru itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM 2 juta** kepada KPYPJ bagi menjalankan usaha ke arah tersebut melalui **2 pendekatan** berikut:

**Pertama** : **RM 1 juta** diperuntukkan untuk aktiviti pembangunan pelajar dan program *upskilling* pensyarah;

**Kedua** : **RM 1 juta** untuk **Biasiswa Bangsa Johor** yang akan memberi manfaat kepada **40 mahasiswa** KPYPJ yang layak.

#### **STRATEGI 4 : MEMPERKASA SEMANGAT KESUKARELAWANAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

213. Strategi keempat dalam Teras Orang Muda Johor ialah **MEMPERKASA SEMANGAT KESUKARELAWANAN**. Dalam memupuk permuafakatan dan khidmat bakti, semangat kesukarelawan perlu diterapkan ke dalam jiwa generasi Orang Muda Johor. Oleh itu, pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk meningkatkan peranan dan penyertaan mereka dari semasa ke semasa dengan **sasaran 200 ribu sukarelawan menjelang 2027**.

#### **INISIATIF 1 : YOUTH ENGAGEMENT**

214. Inisiatif pertama, **YOUTH ENGAGEMENT**. Bagi merapatkan jurang antara Kerajaan Negeri dengan masyarakat setempat, inisiatif *Youth Engagement* akan dilaksanakan untuk meningkatkan jalinan kerjasama antara Institut Dato' Onn (IDO) dan Orang Muda Johor melalui aktiviti khidmat masyarakat, jalinan komuniti, kesukarelawan, rekreasi dan sukan dengan peruntukan sebanyak **RM 300 ribu**.

#### **INISIATIF 2 : SOUTHERN VOLUNTEERS (SV) PRIHATIN**

215. Inisiatif kedua ialah **SOUTHERN VOLUNTEERS (SV) PRIHATIN**. Sebagai usaha melibatkan *Southern Volunteers* (SV) di dalam program bersama ADUN, Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif *Southern Volunteers* (SV) prihatin untuk membantu membaiki atau dekorasi rumah asnaf di setiap 56 kawasan DUN Johor dengan peruntukan sebanyak **RM 500 ribu**.

#### **INISIATIF 3 : SKUAD MUDA SOUTHERN VOLUNTEERS (SV)**

216. Inisiatif ketiga pula ialah **SKUAD MUDA SOUTHERN VOLUNTEERS (SV)**. Bagi memperluas aktiviti sukarelawan di peringkat sekolah, inisiatif Skuad Muda Southern Volunteers (SV) akan dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Belia Johor (JOYDEC) dengan peruntukan sebanyak **RM 200 ribu** dimulakan dengan sebuah sekolah di setiap 56 kawasan DUN Johor.

#### **INISIATIF 4 : DISASTER RESPONSE TRAINING**

217. Inisiatif keempat dalam Strategi Memperkasa Semangat Kesukarelawanan ialah **DISASTER RESPONSE TRAINING**. Dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi sukarelawan SV agar sentiasa bersiap siaga untuk berkhidmat terutamanya semasa menghadapi bencana alam, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 200 ribu** bagi inisiatif *Disaster Response Training* dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

#### **STRATEGI 5 : PEMERKASAAN PENDIDIKAN DAN SYIAR ISLAM**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

218. Strategi kelima ialah **PEMERKASAAN PENDIDIKAN DAN SYIAR ISLAM**. Pemerksaan syiar Islam melalui peranan orang muda akan diperhebat oleh Kerajaan Negeri berdasarkan beberapa inisiatif.

#### **INISIATIF 1 : PEMODENAN PENGIMARAHAN MASJID**

219. Inisiatif pertama di bawah strategi ini ialah **PEMODENAN PENGIMARAHAN MASJID**. Seiring dengan perkembangan teknologi, MAIJ akan menyediakan kemudahan jaringan internet di 800 buah masjid dan surau bagi tempoh 5 tahun. Sebagai permulaan, **RM 460 ribu** diperuntukkan oleh MAIJ bagi pemasangan Wi-Fi di **160 buah masjid** dan surau. Inisiatif ini dapat memberikan manfaat kepada para jemaah termasuklah Orang Muda Johor untuk mendapat akses internet bagi tujuan pembelajaran, celik maklumat dan pelbagai aktiviti pengimaran.

#### **INISIATIF 2: KHATAM AL-QURAN**

220. Inisiatif kedua ialah **KHATAM AL-QURAN**. Kerajaan Negeri ingin menggalakkan lebih ramai anak Johor khatam Al-Quran pada peringkat umur sekolah rendah. Bagi mengiktiraf peranan guru Al-Quran, MAIJ akan menaikkan elaun bulanan Guru Al-Quran Khas sebanyak **RM 50** daripada RM 500 kepada **RM 550**, manakala Guru Al-Quran Am daripada RM 300 kepada **RM 350**. Inisiatif ini melibatkan peruntukan berjumlah **RM 1.039 juta** setahun yang memanfaatkan **1,733 guru Al-Quran**.

#### **INISIATIF 3: PROGRAM PENTAULIAHAN IMAM MUDA**

221. Inisiatif ketiga pula ialah **PROGRAM PENTAULIAHAN IMAM MUDA**. Program ini akan dilaksanakan dengan sasaran untuk melahirkan **500 Imam Muda** pada tahun 2023 yang berkualiti dan profesional melalui peruntukan berjumlah **RM 250 ribu** daripada Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).

#### **INISIATIF 4: HUFFAZ BANGSA JOHOR**

222. Inisiatif keempat di bawah strategi ini, ialah **HUFFAZ BANGSA JOHOR**. Negeri Johor akan melahirkan lebih ramai huffaz dari pelbagai peringkat umur yang terdiri daripada golongan profesional. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri mensasarkan **1,200 huffaz** yang dihasilkan daripada MARSAH dan Madrasah Swasta. Untuk tujuan tersebut, MAIJ memperuntukkan **RM 1.3 juta** bagi menampung kos pengajian **200 orang bakal huffaz** di MARSAH.

#### **INISIATIF 5: PROGRAM INTERVENSI TAHFIZ**

223. Inisiatif kelima di bawah strategi ini ialah **PROGRAM INTERVENSI TAHFIZ**. Sebagai tambahan kepada dana daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Islam Johor memperuntukkan **RM 75 ribu** yang mensasarkan **450 orang pelajar tahfiz** untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2023.

### **PENGHARGAAN KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM JOHOR**

#### **PENYERAHAN PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI KEPADA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

224. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan kebajikan penjawat awam di dalam memastikan mereka dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Ini termasuklah menyediakan kemudahan pinjaman perumahan yang lebih fleksibel dan tidak membebankan.
225. Sehubungan dengan itu, dalam meneruskan kesinambungan kemudahan pinjaman perumahan kepada Penjawat Awam Negeri Johor, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menambahbaik struktur pengurusan pinjaman perumahan. Kerajaan Negeri akan melaksanakan penyerahan permohonan baharu di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri Johor kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) berkuatkuasa pada Januari 2023.
226. Selain dapat meringankan beban kewangan Kerajaan Negeri, ia juga akan memberi lebih ramai peminjam dengan had kelayakan pinjaman yang lebih tinggi dan tempoh

maksimum pinjaman sehingga 35 tahun. Selain itu, Kerajaan Negeri akan **mengekalkan pinjaman tanpa faedah sebagaimana yang telah dilaksanakan sejak 1 Mac 2014.**

### **BANTUAN KHAS KEWANGAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

227. Kerajaan Negeri amat menghargai sumbangan penjawat awam dalam menjayakan dasar-dasar kerajaan. Mereka bekerja dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang maksimum daripada dasar-dasar kerajaan.
228. Sehubungan dengan itu, sebagai tanda penghargaan dan terima kasih, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kepada Kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan Kakitangan Awam Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor sebanyak **satu bulan gaji** atau **minimum RM 1,000** yang akan dibayar sebanyak **2 kali** iaitu pada **akhir bulan ini** dan sebelum menjelang **Hari Raya Aidilfitri tahun 2023.**
229. Bantuan khas kewangan ini juga akan dipanjangkan kepada semua Guru KAFA, Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru Tadika Islam Johor (TAJ).
230. Mudah-mudahan, sumbangan ini dapat memberi motivasi dalam kalangan penjawat awam untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

### **PENUTUP PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2023**

Yang Berhormat Datuk Speaker,

Negeri Johor semakin tersohor

Rakyat hidup rukun bermuafakat

Enam teras Maju Johor

Moga Makmur Bersama Rakyat

231. Demikianlah pembentangan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2023 yang bertemakan “Maju Johor: Makmur Bersama Rakyat”. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam memberikan yang terbaik untuk Negeri Johor.
232. Kakitangan Kerajaan Negeri, swasta, para profesional, ahli agama, pakar ekonomi, warga pendidik, golongan wanita, pengamal media, Orang Muda Johor, mereka yang

berada di bandar mahupun di desa, serta seluruh Bangsa Johor, terima kasih saya ucapkan.

233. Saya menyeru kepada semua, marilah kita bersama-sama menanam tekad untuk terus memberikan yang terbaik bagi menjayakan segala agenda dan perancangan ini. InsyaAllah, dengan kesungguhan ini akan membuahkan hasil yang baik untuk Negeri Johor yang kita cintai.
234. Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalammualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.
235. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadang.

\*\*\*